


2012




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

2012



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN



KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xiii	PENGENALAN
xvii	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
3	1. Pendahuluan
4	2. Penyerahan Penyata Kewangan
5	3. Persijilan Penyata Kewangan
12	4. Pembentangan Penyata Kewangan Di Parlimen
13	5. Analisis Prestasi Kewangan
30	6. Rumusan
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
35	7. Pelaksanaan Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan
60	8. Pemeriksaan Mengejut Di Pejabat Badan Berkanun Persekutuan Di Negeri Dan Daerah
67	9. Pengurusan Kewangan Di Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan Luar Negeri
79	PENUTUP
83	LAMPIRAN A
	SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Badan Berkanun Persekutuan serta pengurusan syarikat subsidiari dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan ini dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti pengauditan penyata kewangan, pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan.

2. Laporan saya mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

- Pelaksanaan Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan
- Pemeriksaan Mengejut Di Pejabat Badan Berkanun Persekutuan Negeri Dan Daerah
- Pengurusan Kewangan Di Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan Luar Negeri

3. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

4. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2 (GTP 2.0): NKRA Anti-Rasuah, Jabatan Audit Negara dikehendaki melaksanakan 4 inisiatif antaranya pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen. Oleh itu, pembentangan Laporan saya mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

dibuat pada setiap kali sesi Parlimen. Ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada rakyat dan menyoegerakan tindakan pembetulan terhadap isu yang dibangkitkan untuk meningkatkan persepsi positif rakyat.

5. Mulai tahun 2013, laporan mengenai Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan akan dilapor bersama Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Tahun 2012. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan termasuk prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan penyata kewangan serta analisis kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2012. Laporan ini hanya dapat disediakan selepas semua Badan Berkanun Persekutuan menyerahkan penyata kewangannya untuk diaudit dan selepas Sijil Audit dikeluarkan.

6. Pada tahun 2013, sebanyak 133 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun kewangan 2012 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Jabatan Audit Negara akan mengeluarkan Sijil Audit untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan berkenaan menunjukkan kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan benar dan saksama. Sehingga 30 September 2013, Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan bagi 122 penyata kewangan kerana penyata kewangannya memberi gambaran benar dan saksama. Selain itu, sebanyak 7 Badan Berkanun Persekutuan menerima Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* kerana penyata kewangannya terdapat perkara penting yang perlu diberi penekanan kepada pengurusan. Sijil Berteguran telah dikeluarkan kepada satu Badan Berkanun Persekutuan kerana penyata kewangannya tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara tidak dapat memberi pendapat Audit terhadap penyata kewangan kepada 3 Badan Berkanun Persekutuan kerana ia tidak memberi gambaran yang benar dan saksama. Sijil Bertentangan dikeluarkan kepada satu agensi dan Sijil Penafian kepada 2 agensi kerana perkara yang dibangkitkan terhadap penyata kewangan adalah matan dan signifikan.

7. Jabatan Audit Negara juga telah melaksanakan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 berdasarkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Badan Berkanun Persekutuan supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Badan Berkanun Persekutuan yang dipilih secara giliran setiap 3 tahun akan dinilai tahap pengurusan kewangannya berasaskan kriteria yang diukur secara objektif dan menjadi penanda aras ke arah penambahbaikan demi kecemerlangan pengurusan kewangan. Sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti mengambil kira 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan merangkumi kawalan pengurusan; kawalan bajet; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit;

pengurusan aset dan stor; pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan. Pada tahun 2012, penarafan telah diberi terhadap 21 Badan Berkanun Persekutuan di mana 6 Badan Berkanun Persekutuan berada pada tahap Sangat Baik manakala 11 Badan Berkanun Persekutuan pada tahap Baik dan 3 Badan Berkanun Persekutuan pada tahap Memuaskan serta satu Badan Berkanun Persekutuan pada tahap Tidak Memuaskan.

8. Selain pengesahan penyata kewangan dan pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut di 90 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di negeri dan daerah mendapati 47.8% pejabat mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama pengurusan kewangan. Pengauditan di 3 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri mendapati pengurusan kewangan pejabat tersebut adalah memuaskan.

9. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

1 Oktober 2013

PENGENALAN



PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai Kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act* 1969 (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran Kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.

3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeliling Kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disediakan berdasarkan asas akuan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir pada 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam

tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitiinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga 30 September 2013, sebanyak 127 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengaudit 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan satu institusi kewangan yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi. Senarai Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Jabatan Audit Negara juga telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan penarafan telah diberi terhadap 21 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012. Selain itu, pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan terhadap pengurusan kewangan bagi 90 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di negeri dan daerah pada tahun 2012. Jabatan Audit Negara juga melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 3 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri.

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I

- PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1.1 Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi tahun kewangan 2012 terhadap 133 Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain. Selain itu, sebanyak 5 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan tidak diaudit kerana 4 daripadanya baru ditubuhkan dan satu Badan Berkanun Persekutuan tidak mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit iaitu Perbadanan Padang Golf Subang.

1.2 Sehingga 30 September 2013, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit terhadap 133 penyata kewangan termasuk 10 Kumpulan Wang bagi tahun kewangan 2012. Selain itu, penyata kewangan Institut Sukan Negara bagi tahun 2012 telah diaudit buat pertama kali oleh Jabatan Audit Negara dan 2 kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans Am dan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans Hayat di bawah seliaan Bank Negara Malaysia telah ditutup pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 122 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran, 7 diberi Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, satu Sijil Berteguran, satu Sijil Bertentangan dan 2 Sijil Penafian.

1.3 Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan disediakan berdasarkan kepada 118 daripada 122 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit bagi tahun kewangan 2012. Sebanyak 4 Badan Berkanun Persekutuan tidak dilaporkan prestasi kewangannya kerana diberikan Sijil Berteguran, Sijil Bertentangan dan Sijil Penafian terhadap penyata kewangannya.

1.4 Secara keseluruhannya pada tahun 2012, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM96.14 bilion telah meningkat sejumlah RM22.23 bilion atau 30.1% berbanding RM73.91 bilion pada tahun 2011. Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang iaitu sebanyak 78 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan. Selain itu, prestasi kewangan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat selaras dengan peningkatan prestasi syarikat subsidiari berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan telah meningkat sejumlah RM1.06 bilion atau 66.7% kepada RM2.65 bilion pada tahun 2012.

BAHAGIAN II

- PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

2. PELAKSANAAN SISTEM PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

2.1 Pada tahun 2012, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan terhadap 30 daripada 122 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit. Pengauditan yang dilaksanakan terhadap Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012 adalah bagi pusingan kedua kerana penarafan telah dijalankan pada tahun sebelumnya atau tahun 2009 kecuali Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang diaudit setiap tahun. Penarafan yang dinilai meliputi 8 aspek kawalan utama seperti Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor; Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman dan Penyerahan Penyata Kewangan.

2.2 Pada tahun 2012, iaitu penarafan bagi pusingan kedua, sebanyak 21 Badan Berkanun Persekutuan telah diberi penarafan berbanding dengan 33 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2009. Hasil pengauditan menunjukkan sebanyak 6 Badan Berkanun Persekutuan atau 28.6% berada pada tahap Sangat Baik manakala 11 Badan Berkanun Persekutuan atau 52.4% pada tahap Baik dan 3 Badan Berkanun Persekutuan atau 14.3% pada tahap Memuaskan serta satu Badan Berkanun Persekutuan pada tahap Tidak Memuaskan. Badan Berkanun Persekutuan yang mencapai tahap Sangat Baik pada tahun 2012 adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Perbadanan Putrajaya, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Majlis Peperiksaan Malaysia.

2.3 Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit adalah baik. Bagaimanapun, beberapa aspek kawalan pengurusan kewangan masih perlu ditingkatkan terutamanya bagi Pengurusan Aset Dan Stor; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman. Selain itu, perubahan peraturan dan pertukaran pegawai juga merupakan alasan terhadap kelemahan pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit. Tahap pengurusan kewangan yang baik adalah penting bagi meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus di Badan Berkanun Persekutuan.

3. PEMERIKSAAN MENGEJUT DI PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN NEGERI DAN DAERAH

3.1 Pada tahun 2012, pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan di 90 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di seluruh negara. Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai

yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Secara keseluruhannya, sebanyak 43 daripada 90 pejabat atau 47.8% telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan manakala baki sebanyak 47 pejabat atau 52.2% masih tidak mematuhi peraturan sepenuhnya. Antara ketidakpatuhan yang ditemui adalah wang kutipan dan pengeluaran resit rasmi tidak diuruskan dengan teratur, Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan, surat penurunan kuasa tidak disediakan dan pengendalian peti besi tidak mengikut peraturan.

4. PENGURUSAN KEWANGAN DI PEJABAT PERWAKILAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN LUAR NEGERI

4.1 Pada tahun 2012, sebanyak 3 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan luar negeri telah diaudit untuk menilai sama ada pengurusan kewangan mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Semakan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 6 elemen pengurusan kewangan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Deposit/Pendahuluan; Pengurusan Aset dan Pengurusan Panjar. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan luar negeri adalah memuaskan. Antara ketidakpatuhan yang ditemui adalah rekod dan dokumen kewangan seperti Buku Vot, Daftar Bil, Daftar Borang Hasil, Daftar Deposit dan Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, Daftar Aset tidak diwujudkan dan Penyata Penyesuaian Panjar tidak disediakan.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

3	1. Pendahuluan
4	2. Penyerahan Penyata Kewangan
5	3. Persijilan Penyata Kewangan
12	4. Pembentangan Penyata Kewangan Di Parlimen
13	5. Analisis Prestasi Kewangan
30	6. Rumusan

BAHAGIAN I PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2013, sebanyak 138 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2012 perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Sebanyak 127 daripada jumlah tersebut merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) dan sebanyak 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan tidak termaktub dengan Akta 240 serta satu institusi kewangan didaftarkan di bawah Akta Koperasi.

1.2 Sebanyak 133 daripada 138 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun kewangan 2012 perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Sebanyak 4 daripada 5 Badan Berkanun Persekutuan tidak diaudit kerana baru ditubuhkan iaitu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan Perbadanan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri; Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, Perbadanan Padang Golf Subang di bawah Kementerian Belia Dan Sukan tidak mengemukakan penyata kewangan bagi tahun kewangan 2000 hingga 2012 kepada Ketua Audit Negara. Pada tahun 1999, Jemaah Menteri telah memberi pengecualian kepada Perbadanan Padang Golf Subang daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktiviti baginya bagi tahun 1968 sehingga 1999.

1.3 Setakat 30 September 2013, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit terhadap 133 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2012 berbanding 134 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun kewangan 2011. Perbezaan tersebut disebabkan oleh tambahan satu penyata kewangan yang diaudit buat pertama kali oleh Jabatan Audit Negara iaitu Institut Sukan Negara di bawah Kementerian Belia Dan Sukan. Selain itu, sebanyak 2 penyata kewangan tidak diaudit mulai tahun 2012 kerana penutupan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans Am dan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans Hayat di bawah seliaan Bank Negara Malaysia.

1.4 Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 25 daripada 133 penyata kewangan tahun 2012 manakala baki 108 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi

kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.5 Pengauditan penyata kewangan adalah berdasarkan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut adalah panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, pemantauan terhadap pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara. Garis Panduan adalah selaras dengan piawaian pengauditan yang diterima pakai. Jabatan Audit Negara sedang menyediakan Manual Pengauditan Penyata Kewangan berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan manual ini akan digunakan untuk pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2013. Selain itu, piawaian perakaunan baru iaitu *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) telah diterima pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan berkenaan bagi penyediaan penyata kewangan tahun 2012.

2. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan pada tahun yang sama.

2.2 Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan hendaklah disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaannya. Sebanyak 130 penyata kewangan tahun 2012 telah diterima sebelum 30 April 2013 manakala 3 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2013 tetapi sebelum 30 Jun 2013 mengikut Akta 240 dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGEMUKAKAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2012 SELEPAS 30 APRIL 2013

BIL.	AGENSI	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEPOH SELEPAS 30 APRIL 2013 (Hari)	CATATAN
1.	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	31.05.2013	31	Laporan yang dijana dari Sistem SAGA menghasilkan maklumat yang kurang tepat. Perkara ini telah dilaporkan kepada pembekal sistem untuk pembetulan dan tindakan sedang diambil. LPPKN memerlukan masa untuk membuat pelarasan semula terutama yang melibatkan perekodan aset dalam Penyata Kewangan dan Daftar Aset Tetap dengan Sistem SAGA.
2.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	16.05.2013	16	Syarikat subsidiari UMS iaitu UMS Link Holdings Sdn. Berhad lewat menyediakan penyata kewangan dan memberi kesan kepada penyatuan akaun UMS.
3.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (Wakaf Hindu)	15.05.2013	15	Wakaf Hindu perlu mengemas kini maklumat kewangan dan mendapat penjelasan lanjut daripada pengurusan kuil yang berkaitan.

Sumber: Surat Kelulusan Pelanjutan Tempoh Mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2012 Oleh Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Kementerian Kewangan.

3. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

3.1 Piawai pengauditan yang diluluskan menetapkan sebanyak 4 jenis Sijil Audit yang dikeluarkan seperti berikut:

- a. Sijil Tanpa Teguran apabila penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Sijil Tanpa Teguran juga dikeluarkan dalam bentuk *Emphasis of Matter* sekiranya terdapat perkara penting yang perlu diberi penekanan kepada pengurusan.
- b. Sijil Berteguran apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu matan dan menyeluruh untuk mengeluarkan Sijil Bertentangan (*Adverse*) atau Penafian (*Disclaimer*).
- c. Sijil Bertentangan apabila kesan perbezaan pendapat adalah matan dan menyeluruh terhadap penyata kewangan, mewujudkan kekeliruan atau ketidaksempurnaan penyata kewangan dan seterusnya tidak memberi gambaran yang benar dan saksama.
- d. Sijil Penafian apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah matan dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

3.2 Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2013 terhadap 133 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun kewangan 2012 mendapati sebanyak 122 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran, 7 diberi Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, satu Sijil Berteguran, satu Sijil Bertentangan dan 2 Sijil Penafian. Penyata Kewangan Kumpulan Wang Pencen Balu Dan Anak Yatim Sabah dan Kumpulan Wang Pencen Balu Dan Anak Yatim Sarawak hanya disahkan selepas 30 Ogos 2013. Kedudukan Sijil Audit yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
KEDUDUKAN SIJIL AUDIT YANG DIKELUARKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN

JENIS SIJIL AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
	2008	2009	2010	2011	2012
Sijil Tanpa Teguran	128	123	123	125	122
Sijil Tanpa Teguran (<i>Emphasis of Matter</i>)	-	4	3	5	7
Sijil Berteguran	1	-	3	4	1
Sijil Bertentangan	-	-	-	-	1
Sijil Penafian	-	-	-	-	2
JUMLAH	129	127	129	134	133

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

- Nota:**
- i. Institut Sukan Negara – Penyata Kewangan baru
 - ii. Kumpulan Skim Jaminan Insurans Am dan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans Hayat telah ditutup pada tahun 2012.

3.3 Penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* adalah bagi Lembaga Lebuhraya Malaysia, Agensi Inovasi Malaysia, Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga (Penyelidikan Dan Kemajuan) Perusahaan Timah. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pula telah dikeluarkan Sijil Berteguran manakala Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dikeluarkan Sijil Bertentangan. Selain itu, Sijil Penafian dikeluarkan kepada Perbadanan Aset Keretapi dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

3.3.1 Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*

a. Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki peruntukan pendahuluan projek yang diterima daripada Kementerian Kerja Raya sejumlah RM957.28 juta kerana Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak menerima pengesahan ke atas baki peruntukan tersebut.

b. Agensi Inovasi Malaysia

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2009 menetapkan keahlian Lembaga Perolehan A adalah terdiri daripada wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya. Pada 31 Disember 2012, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah menerima Geran Kumpulan Wang Inovasi berjumlah RM128.40 juta dan RM99.88 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan pembangunan projek inovasi. Pihak Audit mendapati pengurusan perolehan tidak dilaksanakan secara teratur kerana tiada wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan dalam Lembaga Perolehan A disebabkan peraturan perolehan AIM tidak menetapkan wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai ahli Lembaga Perolehan A.

c. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia

Pada 31 Disember 2012, Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) mempunyai baki Penghutang Perdagangan berjumlah RM183.63 juta seperti berikut:

- i. PERNAMA telah membuat peruntukan hutang ragu sejumlah RM5.23 juta (2011: RM2.90 juta) bagi penghutang Skim Khidmat Ansuran PERNAMA. Bagaimanapun, polisi berkaitan peruntukan hutang ragu tidak diperjelaskan dan kelulusan Lembaga Pengarah tidak diperoleh.
- ii. PERNAMA telah menghapus kira penghutang Skim Kredit Kutu sejumlah RM3.35 juta (2011: Tiada) tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, terdapat penghutang Skim Kredit Kutu yang berbaki kredit sejumlah RM4.83 juta (2011: RM5.52 juta) dan ia termasuk baki penghutang yang tidak dapat dikenal pasti sejumlah RM3.01 juta (2011: RM3.01 juta).
- iii. PERNAMA telah memperuntukkan hutang ragu bagi Penghutang Skim Kredit Kutu sejumlah RM809,390 (2011: RM4.57 juta). Bagaimanapun, hutang ragu tersebut diperuntukkan bagi penghutang yang berbaki kredit.

Ini memberi kesan kepada jumlah sebenar peruntukan hutang ragu yang terkurang catat sejumlah RM2.05 juta.

d. Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru

Cukai boleh dituntut berjumlah RM12 juta daripada dividen diterima dari tahun 2005 sehingga 2012 telah diakrukan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (KWSG) bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Bagaimanapun, borang bagi tuntutan balik cukai atas pendapatan pelaburan tersebut tidak dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. KWSG perlu mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu cukai boleh tuntutan yang telah dibangkitkan sejak tahun 2010.

e. Lembaga Pelabuhan Kuantan

Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) telah membuat peruntukan sejumlah RM11.73 juta bagi menjalankan projek Pengalihan Bangkai Kapal M.V. Rico bermula pada tahun 2007. Peruntukan ini telah dinyatakan sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan liabiliti semasa di dalam Lembaran Imbangan pada tahun yang sama. Pembayaran sejumlah RM6.26 juta telah dibuat sehingga tahun 2008 manakala bayaran seterusnya akan dibuat selepas projek ini siap sepenuhnya. Sehingga kini, kemajuan semasa projek hanya 56%. Peruntukan yang dibuat menyebabkan keuntungan terkumpul LPKtn telah terkurang nyata bagi tahun 2008 sehingga 2012. Liabiliti semasa sejumlah RM6.01 juta pada tahun 2012 perlu dibuat pelarasan pada tahun 2013.

f. Lembaga Pelabuhan Kelang

Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 disediakan berdasarkan andaian usaha berterusan (*going concern*). Kedudukan aset semasa LPK pada 31 Disember 2012 berjumlah RM644.78 juta (2011: RM602.01 juta) manakala kerugian bersih adalah berjumlah RM93.82 juta (2011: RM180.25 juta). Liabiliti jangka panjang LPK pada 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM4.01 bilion. Berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa, keupayaan LPK untuk menjelaskan liabiliti jangka panjang adalah bergantung kepada penstrukturan semula terma dan syarat perjanjian pinjaman serta sokongan kewangan daripada Kerajaan.

g. Lembaga (Penyelidikan Dan Kemajuan) Perusahaan Timah

Kedudukan kewangan Lembaga (Penyelidikan Dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah) bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 disediakan berdasarkan andaian usaha berterusan (*going concern*). Kedudukan aset semasa Lembaga Timah pada 31 Disember 2012 berjumlah RM808,787 (2011: RM1.38 juta) berbanding liabiliti semasa berjumlah RM1.40 juta (2011: RM161,729). Kumpulan Wang Terkumpul menunjukkan penurunan daripada RM1.22 juta kepada defisit berjumlah RM589,072 manakala kerugian bersih pada tahun kewangan 2012 adalah sejumlah RM1.81 juta (2011: RM733,571). Ini menunjukkan keupayaan usaha berterusan Lembaga Timah tidak dapat dipastikan.

3.3.2 Sijil Berteguran - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan tidak dapat disahkan kerana penyatuan dibuat berdasarkan penyata kewangan syarikat subsidiari iaitu Majuikan Sdn. Berhad yang belum diaudit.

3.3.3 Sijil Bertentangan - Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang

i. Bayaran Tanpa Dokumen Sokongan

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (Wakaf Hindu) telah membuat bayaran berjumlah RM1.80 juta untuk pembinaan Kuil Hill Top Murugan pada bulan Jun sehingga Ogos 2012. Bagaimanapun, bayaran tersebut tidak disokong dengan baucar bayaran dan dokumen sokongan yang lain. Pada pendapat Audit, ini merupakan *improper payment* dan kesahihan bayaran diragui kerana tiada bukti kelulusan diperoleh sebelum pembayaran. Tindakan surcaj sepatutnya diambil terhadap pegawai yang meluluskan bayaran.

ii. Hartanah, Loji Dan Peralatan

Pada 26 Disember 2012 berlaku kehilangan sebanyak 3 bar emas dengan berat keseluruhan sebanyak 1,628.98 gram bernilai RM250,000 pada nilai pasaran yang disimpan dalam peti simpanan di Ibu Pejabat Wakaf Hindu. Nilai emas tersebut hanya ditunjukkan pada nilai nominal RM3 dalam penyata kewangan. Pihak Audit berpendapat Emas Dan Perhiasan berjumlah RM37,503 yang ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama yang mana sepatutnya dinyatakan pada nilai pasaran.

iii. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai Dan Kesetaraan Tunai berjumlah RM3.65 juta tidak dinyatakan dengan benar dan saksama disebabkan perkara berikut:

- **Wang Tunai Di Tangan**

Wakaf Hindu telah menghapus kira wang tunai di tangan berjumlah RM39,879 tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Wang tunai ini terdiri daripada wang tunai di Ibu Pejabat Wakaf Hindu berjumlah RM2,000, Kuil Butterworth berjumlah RM31,784 dan Dewan Sri Mariamman berjumlah RM6,095. Hapus kira ini adalah perbezaan wang tunai secara fizikal berbanding rekod perakaunannya.

- **Simpanan Tetap**

Wakaf Hindu telah membuat hapus kira simpanan tetap berjumlah RM32,996 tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Hapus kira ini dibuat berdasarkan pengesahan baki bank yang menyatakan Wakaf Hindu tidak mempunyai simpanan tetap berjumlah RM32,996 di bank berkenaan.

3.3.4 Sijil Penafian

a. Perbadanan Aset Keretapi

- i. Ketepatan baki geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM20.10 bilion pada 31 Disember 2012 tidak dapat disahkan kerana tiada senarai terperinci geran pembangunan berjumlah RM17.86 bilion serta perbezaan baki geran yang belum dilunaskan berjumlah RM54 juta berbanding jadual pelunasan geran.
- ii. Ketepatan baki Kerja Dalam Pelaksanaan berjumlah RM16.14 bilion pada 31 Disember 2012 tidak dapat disahkan kerana Perbadanan Aset Keretapi (PAK) tidak mempunyai senarai terperinci untuk keseluruhan Kerja Dalam Pelaksanaan berikutan perekodan dibuat berdasarkan salinan baucar jurnal yang dikemukakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad.
- iii. Projek Landasan Berkembar Elektrik Sentul-Batu Caves dan Rawang-Ipoh yang telah siap dan digunakan sebelum tahun kewangan 2012 masih ditunjukkan sebagai Kerja Dalam Pelaksanaan. Setakat 31 Disember 2012, nilai kerja siap projek ini

berdasarkan Perakuan Pembayaran Interim terakhir adalah berjumlah RM542 juta. Ini menyebabkan Hartanah, Loji Dan Peralatan telah berkurang catat sejumlah RM542 juta dan susut nilai serta pelunasan geran dianggarkan berkurang catat sejumlah RM45.17 juta.

- iv. Ketepatan baki Hartanah, Loji Dan Peralatan berjumlah RM12.10 bilion pada 31 Disember 2012 tidak dapat disahkan kerana pelupusan sebanyak 12 unit kuarters di Stesen Komuter Seremban dan 8 unit kuarters di Depoh Seremban pada tahun 2012 masih ditunjukkan dalam Hartanah, Loji Dan Peralatan. Ini disebabkan PAK tidak dapat menentukan nilai buku bersih kuarters tersebut kerana maklumat dalam senarai aset tetap tidak lengkap. Selain itu, landasan keretapi yang telah dilupuskan masih ditunjukkan dalam Hartanah, Loji Dan Peralatan kerana PAK tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai nilai pelupusan aset tersebut.
- v. Kedudukan kewangan PAK bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 disediakan berdasarkan andaian usaha berterusan (*going concern*). Bagaimanapun, liabiliti semasa melebihi aset semasa dengan sejumlah RM560.27 juta (2011: RM883.83 juta). Berdasarkan kepada prestasi semasa, keupayaan PAK untuk menjelaskan liabiliti jangka pendek adalah bergantung kepada penstrukturan semula terma dan syarat pinjaman jangka pendek serta sokongan kewangan daripada Kerajaan.

b. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

- i. Ketepatan baki Wang di Bank berjumlah RM29.08 juta tidak dapat disahkan kerana Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dari bulan Ogos sehingga Disember 2012 bagi akaun semasa di bank. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada keseluruhan transaksi pembayaran dan penerimaan telah direkodkan sepenuhnya.
- ii. Nilai bersih Hartanah, Loji Dan Peralatan berjumlah RM88.02 juta tidak dapat disahkan kerana daftar aset FINAS tidak diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pelupusan dan kehilangan aset pada tahun 2011 dan 2012 serta pembelian aset bagi tahun semasa tidak direkodkan dalam daftar aset. Ini telah menjejaskan jumlah peruntukan susut nilai bagi tahun semasa seperti yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

- iii. Akaun Pendahuluan pada 31 Disember 2012 sejumlah RM9.45 juta adalah termasuk pendahuluan yang dibayar kepada organisasi bagi pihak Kementerian Komunikasi Dan Multimedia dan pendahuluan diri kepada kakitangan FINAS bagi tujuan sesuatu program seperti tugas rasmi dalam dan luar negara bagi menghadiri mesyuarat/ seminar/ pameran antarabangsa dan sebagainya. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pendahuluan berjumlah RM5.06 juta kerana FINAS tidak menyelenggara daftar pendahuluan dengan lengkap dan teratur.
- iv. Terimaan tunai daripada pelanggan, bayaran tunai kepada pembekal dan pekerja serta faedah diterima pada 31 Disember 2012 sejumlah RM182.04 juta yang dinyatakan di dalam penyata kewangan tidak dapat disahkan.

4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. Setakat 12 September 2013, sebanyak 11 Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2012 telah dibentangkan di Parlimen manakala yang lain dalam proses pembentangan. Selain itu, sebanyak 3 Badan Berkanun Persekutuan yang masih belum membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan tahun 2011 walaupun Sijil Audit telah dikeluarkan antara bulan Februari sehingga Ogos 2012. Penyata kewangan tahun 2011 yang masih belum dibentangkan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.1
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011
YANG BELUM DIBENTANGKAN DI PARLIMEN**

BIL.	AGENSI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	TARIKH SURAT KEPADA KEMENTERIAN
1.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia	28.02.2012	28.02.2012
2.	Agensi Inovasi Malaysia	27.08.2012	29.08.2012
3.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	20.07.2012	23.07.2012

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Dan Surat Kepada Kementerian

5. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

5.1 Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

5.1.1 Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan disediakan berdasarkan kepada 118 daripada 122 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2012. Sebanyak 5 Badan Berkanun Persekutuan tidak dilaporkan prestasi kewangannya kerana satu Badan Berkanun Persekutuan tidak dapat mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2012 untuk diaudit dan sebanyak 4 Badan Berkanun Persekutuan telah diberikan Sijil Berteguran, Sijil Bertentangan serta Sijil Penafian terhadap penyata kewangannya.

5.1.2 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilaporkan mengikut Kementerian yang berkuat kuasa bagi tahun 2013 berdasarkan kepada analisis pendapatan, prestasi pemberian geran, pendapatan janaan sendiri, lebihan/(kurangan) pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset dan liabiliti serta liabiliti luar jangka. Di samping itu, prestasi 155 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan.

5.1.3 Perubahan angka perbandingan juga dibuat selepas mengambil kira prestasi kewangan Institut Sukan Negara yang baru diaudit oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2012 serta pelarasan tahun lalu yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan. Selain itu, prestasi kewangan bagi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad tidak diambil kira kerana didaftarkan di bawah Akta Koperasi. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
BILANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		SYARIKAT SUBSIDIARI
		2012	2013	2012
1.	Pendidikan Malaysia #	26	26	19
2.	Jabatan Perdana Menteri	11	13	33
3.	Kewangan	11	11	38
4.	Pengangkutan *	11	11	2
5.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi *	8	8	5
6.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	8	8	3
7.	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	7	7	36

BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		SYARIKAT SUBSIDIARI
		2012	2013	2012
8.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	5	5	-
9.	Belia Dan Sukan *	5	5	1
10.	Komunikasi Dan Multimedia # *	4	4	2
11.	Pertahanan	4	4	9
12.	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	4	4	-
13.	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3	3	-
14.	Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	3	3	-
15.	Wilayah Persekutuan #	2	3	5
16.	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat *	2	2	-
17.	Kerja Raya	2	2	2
18.	Sumber Manusia	2	2	-
19.	Pelancongan Dan Kebudayaan #	2	2	-
20.	Kesihatan Malaysia	1	2	-
21.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan #	1	1	-
22.	Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	1	-
JUMLAH		123	127	155

Sumber: *Penyata Kewangan Dan Maklumat Daripada Agensi*

Nota: (#) Tahun 2013

- i. Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan gabungan 2 Kementerian iaitu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- ii. Kementerian Komunikasi Dan Multimedia - sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan.
- iii. Kementerian Wilayah Persekutuan - sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar.
- iv. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan - sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan.
- v. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan - sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.


(*) *Prestasi Kewangan Yang Tidak Dilaporkan di Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2012*

- i. Sebanyak 4 BBP diberikan Sijil Bertegur, Sijil Bertentangan dan Sijil Penafian.
- ii. Satu BBP tidak mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2012.

5.1.4 Analisis Pendapatan

5.1.4.1 Pada tahun 2012, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM96.14 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM22.23 bilion atau 30.1% berbanding RM73.91 bilion pada tahun 2011. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM80.43 bilion atau 83.7% berbanding geran mengurus sejumlah RM15.71 bilion atau 16.3%. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di carta berikut:


CARTA 5.1
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.4.2 Pada tahun 2012, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh pendapatan tertinggi sejumlah RM47.88 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM16.23 bilion, Kementerian Pendidikan Malaysia sejumlah RM13.56 bilion dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah sejumlah RM3.96 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain pula merangkumi RM14.51 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5.2
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012


5.1.4.3 Peningkatan pendapatan yang diperoleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM7.23 bilion atau 17.8% yang antaranya disumbangkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berikutan peningkatan pendapatan pelaburan dan Bank Negara Malaysia berikutan peningkatan pendapatan faedah dan dividen. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri meningkat sejumlah RM10.29 bilion atau 173.2%. Badan Berkanun Persekutuan yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Lembaga Tabung Haji. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia memperoleh peningkatan sejumlah RM1.30 bilion atau 10.6%. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah mencatatkan peningkatan pendapatan sejumlah RM705.26 juta atau 21.8%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain juga memperoleh peningkatan pendapatan sejumlah RM2.71 bilion atau 23%.

5.1.5 Geran Mengurus

5.1.5.1 Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

5.1.5.2 Pada tahun 2012, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM15.71 bilion iaitu meningkat sejumlah RM3.32 bilion atau 26.8% berbanding RM12.39 bilion pada tahun 2011. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam pembayaran emolumen di mana terdapat pelarasan gaji pegawai awam dalam tahun 2012. Pada keseluruhannya, penerimaan geran mengurus oleh Badan Berkanun Persekutuan tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM9.27 bilion. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah berjumlah RM1.84 bilion, Kementerian Kewangan berjumlah RM1.62 bilion dan seterusnya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani berjumlah RM684.56 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain menerima geran mengurus sejumlah RM2.30 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5.3
GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: *Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012*

5.1.5.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus sejumlah RM2.42 bilion atau 35.3% pada tahun 2012. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta Kementerian lain turut memperoleh peningkatan sejumlah RM906.95 juta atau 16.2%.

5.1.5.4 Analisis mendapati Universiti Teknologi MARA merupakan penerima geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.78 bilion pada tahun 2012. Ini diikuti oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sejumlah RM1.59 bilion, Majlis Amanah Rakyat sejumlah RM1.39 bilion dan Universiti Kebangsaan Malaysia sejumlah RM1.20 bilion.

5.1.5.5 Pada tahun 2012, Badan Berkanun Persekutuan di bawah 5 Kementerian iaitu Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Kementerian Sumber Manusia telah menerima geran mengurus yang lebih rendah berbanding tahun lepas seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
PENURUNAN TERIMAAN GERAN MENGURUS
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	KEMENTERIAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	PENURUNAN	
				RM Juta	(%)
1.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	257.66	205.15	52.51	20.4
2.	Belia Dan Sukan	151.78	119.80	31.98	21.1
3.	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	81.68	69.50	12.18	14.9
4.	Sains, Teknologi Dan Inovasi	10.97	9.88	1.09	9.9
5.	Sumber Manusia	13.50	13.00	0.5	3.7


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.5.6 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Sebanyak 78 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 16.3% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak 40 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2012.

5.1.6 Pendapatan Janaan Sendiri

5.1.6.1 Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk dan perkhidmatan. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan menjana sejumlah RM46.26 bilion pada tahun 2012 iaitu merangkumi 57.5% daripada jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM15.92 bilion, Kementerian Pendidikan Malaysia sejumlah RM4.29 bilion dan Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi sejumlah RM3.74 bilion. Jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian lain adalah sejumlah RM10.22 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5.4
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.6.2 Pada tahun 2012, pendapatan janaan sendiri adalah berjumlah RM80.43 bilion dengan peningkatan sejumlah RM18.91 bilion atau 30.7% berbanding RM61.52 bilion pada tahun 2011. Antara Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh pendapatan janaan sendiri tertinggi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI

BIL.	AGENSI	JUMLAH (RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	31.67
2.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	12.11
3.	Bank Negara Malaysia	6.91
4.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	5.76
5.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	3.32
6.	Lembaga Tabung Haji	2.75
7.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	1.96
8.	Lembaga Getah Malaysia	1.59
9.	Bank Simpanan Nasional	1.41
10.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	1.08

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.7 Analisis Lebih/(Kurangan) Pendapatan

5.1.7.1 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM52.72 bilion pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM12.16 bilion atau 30% berbanding RM40.56 bilion pada tahun 2011. Pada tahun 2012, sebanyak 93 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM53.02 bilion berbanding 91 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM41.08 bilion pada tahun 2011. Antara Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebih pendapatan tertinggi bagi tahun 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.4
BADAN BERKANUN YANG MEMPEROLEH
LEBIHAN PENDAPATAN TERTINGGI

BIL.	AGENSI	JUMLAH (RM Bilion)
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	28.21
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	5.69
3.	Bank Negara Malaysia	5.60
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	5.52
5.	Lembaga Tabung Haji	2.15
6.	Lembaga Getah Malaysia	1.47
7.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	1.03

Sumber: *Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012*

5.1.7.2 Selain itu, sebanyak 25 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM293.72 juta pada tahun 2012 berbanding 27 Badan Berkanun Persekutuan dengan kurangan pendapatan sejumlah RM516.19 juta pada tahun 2011. Prestasi lebih/(kurangan) pendapatan Badan Berkanun Persekutuan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
PRESTASI LEBIH/(KURANGAN) PENDAPATAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN


TAHUN	AGENSI YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		AGENSI YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
2011	91	41,081.70	27	(516.19)	118	40,565.51
2012	93	53,017.35	25	(293.72)	118	52,723.64

Sumber: *Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012*

5.1.7.3 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperoleh lebih pendapatan tertinggi sejumlah RM40.21 bilion atau 76.3% daripada jumlah keseluruhan lebih pendapatan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun

Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM7.82 bilion, Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi sejumlah RM1.47 bilion dan Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM1.06 bilion. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5.5
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: *Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012*

5.1.7.4 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan lebih pendapatan sejumlah RM4.59 bilion kepada RM40.21 bilion pada tahun 2012 berbanding RM35.62 bilion pada tahun 2011. Ini disebabkan peningkatan lebih pendapatan bagi 4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan iaitu peningkatan lebih pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM3.12 bilion kepada RM28.21 bilion, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) sejumlah RM1.39 bilion kepada RM5.69 bilion, Bank Negara Malaysia sejumlah RM875.90 juta kepada RM5.60 bilion dan Bank Simpanan Nasional sejumlah RM51.98 juta kepada RM402.03 juta pada tahun 2012.

5.1.7.5 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia mengalami penurunan lebih pendapatan berjumlah RM179.96 juta atau 14.5% kepada RM1.06 bilion pada tahun 2012 berbanding RM1.24 bilion pada tahun 2011. Ini berikutan penurunan lebih pendapatan Pertubuhan Keselamatan Sosial sejumlah RM195.56 juta kepada RM1.03 bilion pada tahun 2012 berbanding sejumlah RM1.23 bilion pada tahun 2011.

5.1.7.6 Analisis juga menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi mengalami kurangan pendapatan

sejumlah RM54,271 pada tahun 2012 berbanding lebih pendapatan sejumlah RM62,534 pada tahun 2011. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat turut mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM19.24 juta pada tahun 2012 berbanding RM1.76 juta pada tahun 2011. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan turut mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM22.42 juta pada tahun 2012 berbanding RM11.31 juta pada tahun 2011 iaitu peningkatan kurangan pendapatan sejumlah RM11.11 juta. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM401,493 pada tahun 2012 berbanding RM3.20 juta pada tahun 2011.


5.1.7.7 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012 adalah baik dengan peningkatan pendapatan sejumlah RM22.23 bilion atau 30.1% kepada RM96.14 bilion berbanding RM73.91 bilion pada tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan oleh pendapatan janaan sendiri berjumlah RM80.43 bilion iaitu meningkat sejumlah RM18.91 bilion atau 30.7% pada tahun 2012 berbanding RM61.52 bilion pada tahun 2011. Badan Berkanun Persekutuan juga telah memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM52.72 bilion pada tahun 2012 berbanding RM40.56 bilion pada tahun 2011.

5.1.8 Analisis Kumpulan Wang Berkumpul

5.1.8.1 Kumpulan Wang Berkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012 adalah berjumlah RM323.97 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM39.91 bilion atau 14% berbanding RM284.06 bilion pada tahun 2011. Kumpulan Wang Berkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am dan lebihan/(kurangan) terkumpul. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

5.1.8.2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai kumpulan wang yang tertinggi berjumlah RM164.95 bilion, diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM63.25 bilion, Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM33.92 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM22.89 bilion. Carta berikut menunjukkan kedudukan kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan yang tertinggi mengikut Kementerian pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.

CARTA 5.6
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG TERTINGGI
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2011 DAN 2012



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.8.3 Analisis antara Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatat peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul yang ketara. Peningkatan sejumlah RM19.29 bilion atau 13.2% kepada RM164.95 bilion pada tahun 2012 berbanding RM145.66 bilion pada tahun 2011. Selain itu, Jabatan Perdana Menteri mencatat peningkatan sejumlah RM13.43 bilion atau 27% kepada RM63.25 bilion berbanding RM49.82 bilion pada tahun 2011 dan Kementerian Pendidikan Malaysia sejumlah RM1.51 bilion atau 4.7% kepada RM33.92 bilion berbanding RM32.41 bilion pada tahun 2011. Sebanyak 6 Badan Berkanun Persekutuan mencatat peningkatan dan penurunan Kumpulan Wang Terkumpul paling ketara mengikut Kementerian. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
KEDUDUKAN PENINGKATAN/PENURUNAN KUMPULAN WANG
TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN

KEMENTERIAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			RM Juta	%
Kewangan	145,657.67	164,954.64	19,297.27	13.2
Jabatan Perdana Menteri	49,818.83	63,253.64	13,434.81	27.0
Pendidikan Malaysia	32,408.65	33,922.66	1,514.01	4.7

KEMENTERIAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	PENURUNAN	
			RM Juta	%
Sumber Asli Dan Alam Sekitar	350.83	350.11	0.72	0.2
Wilayah Persekutuan	5,094.64	4,919.37	175.27	3.4
Pengangkutan	3,270.73	3,094.94	175.79	5.4

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.8.4 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah Kementerian Kewangan telah mencatat peningkatan Kumpulan Wang Terkumpul tertinggi sejumlah RM12.41 bilion atau 40.6% kepada RM43 bilion pada tahun 2012 berbanding sejumlah RM30.59 bilion pada tahun 2011. Bagaimanapun, Bank Negara Malaysia di bawah Kementerian Kewangan telah mengalami penurunan Kumpulan Wang Terkumpul paling ketara sejumlah RM3.50 bilion atau 11% kepada RM28.43 bilion pada tahun 2012 berbanding RM31.93 bilion pada tahun 2011.


5.1.8.5 Sehingga 31 Disember 2012, Kumpulan Wang Terkumpul bagi Lembaga Lebuhraya Malaysia masih mengalami defisit sejak tahun 2005 iaitu berjumlah RM232.24 juta berbanding RM223.88 juta pada tahun 2011. Lembaga Penyelidikan Dan Kemajuan Perusahaan Timah pula mengalami defisit sejumlah RM589,072 pada tahun 2012 berbanding lebih sejumlah RM1.22 juta pada tahun 2011. Sehubungan itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Penyelidikan Dan Kemajuan Perusahaan Timah perlu meningkatkan prestasi kewangan supaya tidak menjejaskan usaha berterusan.

5.1.9 Analisis Aset

5.1.9.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada hartanah, loji dan peralatan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, penghutang, pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dan tunai.

5.1.9.2 Pada tahun 2012, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM103.27 bilion atau 8.2% kepada RM1,356.05 bilion berbanding RM1,252.78 bilion pada tahun 2011. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 5.7
KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.9.3 Pada tahun 2012, aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM1,131.45 bilion atau 83.4% daripada keseluruhan aset Badan Berkanun Persekutuan dan diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM70.47 bilion atau 5.2%. Nilai aset tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM536.03 bilion atau 47.4%.

5.1.9.4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi mencatat peningkatan aset yang ketara pada tahun 2012 iaitu sejumlah RM21.41 juta atau 90.4% kepada RM45.11 juta berbanding RM23.70 juta pada tahun 2011. Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi juga mencatat peningkatan aset sejumlah RM2.04 bilion atau 55.6% daripada RM3.66 bilion pada tahun 2011 kepada RM5.70 bilion pada tahun 2012. Aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air pula meningkat sejumlah RM256.68 juta atau 46.6% daripada RM550.64 juta pada tahun 2011 kepada RM807.32 juta pada tahun 2012.

5.1.9.5 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah pelaburan yang terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, hartanah, bon dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1,058.18 bilion atau 78% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM70.89 bilion atau 7.2% berbanding RM987.29 bilion pada tahun 2011.

5.1.9.6 Pada tahun 2012, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM1,001.72 bilion atau 94.7% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM502.52 bilion diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM409.22 bilion.

5.1.9.7 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatat peningkatan pelaburan tertinggi iaitu sejumlah RM50.81 bilion kepada RM502.52 bilion pada tahun 2012 berbanding RM451.71 bilion pada tahun 2011. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) juga mencatat peningkatan pelaburan iaitu sejumlah RM18.37 bilion kepada RM79.40 bilion pada tahun 2012 berbanding RM61.03 bilion pada tahun 2011. Antara Badan Berkanun Persekutuan yang mencatat peningkatan pelaburan tertinggi pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
YANG MENCATAT PENINGKATAN PELABURAN TERTINGGI

BIL.	AGENSI	2011 (RM Bilion)	2012 (RM Bilion)	PENINGKATAN	
				RM Bilion	%
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	451.71	502.52	50.81	11.2
2.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	61.03	79.40	18.37	30.1
3.	Lembaga Tabung Haji	23.34	28.32	4.98	21.3
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	8.78	11.01	2.23	25.4
5.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	12.47	13.56	1.09	8.7

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.1.10 Analisis Liabiliti

5.1.10.1 Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada pinjaman, overdraf, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2012, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM19.51 bilion atau 3.7% kepada RM540.48 bilion berbanding RM520.97 bilion pada tahun 2011.

5.1.10.2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM475.50 bilion atau 88% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mempunyai liabiliti tertinggi sejumlah RM447.90 bilion yang merupakan deposit oleh Institusi Kewangan, Kertas Bank Negara dan mata wang dalam edaran.

5.1.10.3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah Kementerian Kewangan telah mengalami peningkatan liabiliti yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM2.59 bilion kepada RM3.75 bilion pada tahun 2012 berbanding RM1.16 bilion pada tahun 2011. Peningkatan liabiliti pada tahun 2012 disebabkan oleh peningkatan pemiutang dan peruntukan bagi manfaat pekerja. Selain itu, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri turut menunjukkan peningkatan liabiliti sejumlah RM1.94 bilion atau 42.2% kepada RM6.54 bilion pada tahun 2012 berbanding RM4.60 bilion pada tahun 2011.

5.1.10.4 Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah menunjukkan penurunan liabiliti yang ketara sejumlah RM137.38 juta atau 88.3% kepada RM18.29 juta pada tahun 2012 berbanding RM155.67 juta pada tahun 2011. Ini disebabkan Kerajaan Persekutuan telah menghapus kira pinjaman Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dalam tahun 2012.

5.1.11 Analisis Liabiliti Luar Jangka

5.1.11.1 Setakat 31 Disember 2012, sebanyak 12 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM518.98 juta dengan penurunan sejumlah RM833.90 juta atau 61.6% berbanding RM1.35 bilion pada tahun 2011. Majlis Amanah Rakyat mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM402.52 juta diikuti oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia berjumlah RM30.72 juta dan Lembaga Pelabuhan Kelang berjumlah RM30.62 juta.

5.1.11.2 Liabiliti luar jangka Majlis Amanah Rakyat disebabkan tuntutan bekas penyewa dan peminjam berjumlah RM380.66 juta, tuntutan kontraktor kerana penamatan kontrak berjumlah RM3.02 juta dan tuntutan ganti rugi perniagaan dan reputasi atas tindakan kebangkrapan oleh Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM15 juta. Ia juga disebabkan tuntutan Garnisemen terhadap Majlis Amanah Rakyat oleh subkontraktor kepada kontraktor utama berjumlah RM3.84 juta. Liabiliti luar jangka Lembaga Lebuhraya Malaysia disebabkan tuntutan pampasan pengambilalihan tanah berjumlah RM29.16 juta dan kes sivil bagi projek pembangunan berjumlah RM1.56 juta. Selain itu, liabiliti luar jangka Lembaga Pelabuhan Kelang disebabkan cukai tanah serta premium yang perlu dibayar berkaitan tanah Kerajaan Negeri Selangor yang dipindah milik kepada atau diduduki oleh Lembaga Pelabuhan Kelang yang belum diperuntukkan dalam akaun berjumlah RM30.62 juta. Butiran lanjut mengenai 5 Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.8
KEDUDUKAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI
BAGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

BIL.	AGENSI	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Majlis Amanah Rakyat	31.96	402.52
2.	Lembaga Lebuhraya Malaysia	92.01	30.72
3.	Lembaga Pelabuhan Kelang	151.07	30.62
4.	Universiti Sains Islam Malaysia	11.60	19.37
5.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	16.62	16.62
JUMLAH		303.26	499.85

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2012

5.2 Prestasi Penggunaan Geran Pembangunan

Pada tahun 2012, sebanyak 64 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM4.81 bilion berbanding RM10.98 bilion pada tahun 2011. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan telah dibuat terhadap 4 Kementerian yang menerima geran pembangunan tertinggi iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi. Baki kumpulan wang pembangunan bagi 4 Kementerian tersebut pada 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM80.90 bilion. Analisis penggunaan geran pembangunan adalah seperti berikut:

5.2.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia antaranya melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1.48 bilion iaitu pengurangan sejumlah RM5.64 bilion atau 79.2% berbanding RM7.12 bilion pada tahun 2011. Universiti Teknologi Malaysia menerima geran tertinggi iaitu berjumlah RM229.80 juta atau 15.5% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini pada akhir tahun 2012 berjumlah RM66.16 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM49.99 bilion atau melebihi 100% berbanding RM16.17 bilion pada tahun 2011.

5.2.2 Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah antaranya memajukan masyarakat luar bandar dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha pembangunan manusia dan ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup. Selain itu, program tersebut juga meliputi pembangunan industri, perumahan dan kemudahan infrastruktur. Geran pembangunan yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1.31 bilion iaitu pengurangan sejumlah RM226.82 juta atau 14.7% berbanding RM1.54 bilion pada tahun 2011. Majlis Amanah Rakyat menerima geran tertinggi berjumlah RM1.05 bilion atau 80.2% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini pada akhir tahun 2012 berjumlah RM12.24 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM397.66 juta atau 3.4% berbanding RM11.84 bilion pada tahun 2011.

5.2.3 Jabatan Perdana Menteri

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah untuk pembangunan wilayah ekonomi pantai timur, utara dan selatan. Pada tahun 2012, hanya 6 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri menerima geran pembangunan iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Agensi Inovasi Malaysia, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM933.09 juta iaitu pengurangan sejumlah RM387.98 juta atau 29.4% pada tahun 2012 berbanding RM1.32 bilion yang diterima pada tahun 2011. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur menerima geran tertinggi berjumlah RM386.89 juta atau 41.5% daripada jumlah geran yang diterima di bawah Jabatan Perdana Menteri. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan ini pada akhir tahun 2012 berjumlah RM1.75 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM302.87 juta atau 20.7% berbanding RM1.45 bilion pada tahun 2011.

5.2.4 Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi adalah untuk projek pembangunan industri perladangan dan komoditi. Pada tahun 2012, jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM321.51 juta iaitu peningkatan sejumlah

RM116.39 juta atau 56.7% berbanding RM205.12 juta yang diterima pada tahun 2011. Lembaga Minyak Sawit Malaysia menerima geran tertinggi berjumlah RM240.15 juta atau 74.7% daripada jumlah geran yang diterima di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini pada akhir tahun 2012 berjumlah RM750.45 juta iaitu peningkatan sejumlah RM20.73 juta atau 2.8% berbanding RM729.72 juta pada tahun 2011.

5.3 Prestasi Syarikat Subsidiari

5.3.1 Pada tahun 2012, secara keseluruhannya sebanyak 51 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 155 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 50% berbanding 153 syarikat subsidiari pada tahun 2011. Analisis mendapati sebanyak 123 syarikat subsidiari masih beroperasi, 4 baru ditubuhkan, 8 dalam proses pembubaran dan 20 tidak aktif.

5.3.2 Sebanyak 92 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan berjumlah RM2.65 bilion pada tahun 2012. Keuntungan syarikat subsidiari ini telah meningkat sejumlah RM1.06 bilion atau 66.7% berbanding RM1.59 bilion pada tahun 2011. Selain itu, kerugian bagi 52 syarikat subsidiari telah menurun sejumlah RM26.91 juta kepada RM112.52 juta pada tahun 2012 berbanding kerugian berjumlah RM139.43 juta pada tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.9
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI
PADA TAHUN 2011 DAN 2012

TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2011	86	1,589.75	52	139.43
2012	92	2,652.30	52	112.52

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2012

6. RUMUSAN

6.1 Secara keseluruhannya, sebanyak 130 penyata kewangan tahun 2012 telah diterima sebelum 30 April 2013 manakala 3 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2013 tetapi sebelum 30 Jun 2013 mengikut Akta 240 dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Pengauditan terhadap penyata kewangan tersebut mendapati sebanyak 122 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran, 7 diberi Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, satu Sijil Berteguran, satu Sijil Bertentangan dan 2 Sijil Penafian.

6.2 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat pada tahun 2012. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM96.14 bilion pada tahun 2012 telah meningkat sejumlah RM22.23 bilion atau 30.1% berbanding RM73.91 bilion pada tahun 2011. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM80.43 bilion atau 83.7% berbanding geran mengurus sejumlah RM15.71 bilion atau 16.3%. Selain itu, aset Badan Berkanun Persekutuan juga telah mencatat peningkatan sejumlah RM103.27 bilion atau 8.2% kepada RM1,356.05 bilion pada tahun 2012 berbanding RM1,252.78 bilion pada tahun 2011. Liabiliti Badan Berkanun Persekutuan juga telah meningkat sejumlah RM19.51 bilion atau 3.7% daripada RM520.97 bilion pada tahun 2011 kepada RM540.48 bilion pada tahun 2012.

6.3 Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Sebanyak 78 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 16.3% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak 40 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2012. Selain itu, sebanyak 64 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM4.81 bilion pada tahun 2012 berbanding RM10.98 bilion pada tahun 2011.

6.4 Prestasi kewangan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat selaras dengan peningkatan prestasi syarikat subsidiari berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan telah meningkat sejumlah RM1.06 bilion atau 66.7% kepada RM2.65 bilion pada tahun 2012. Selain itu, kerugian bagi 52 syarikat subsidiari telah menurun sejumlah RM26.91 juta kepada RM112.52 juta pada tahun 2012 berbanding kerugian berjumlah RM139.43 juta pada tahun 2011.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

- | | |
|-----------|---|
| 35 | 7. Pelaksanaan Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan |
| 60 | 8. Pemeriksaan Mengejut Di Pejabat Badan Berkanun Persekutuan Di Negeri Dan Daerah |
| 67 | 9. Pengurusan Kewangan Di Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan Luar Negeri |

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

7. PELAKSANAAN SISTEM PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

7.1 PENDAHULUAN

7.1.1 Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menilai sama ada Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara memantau prestasi pengurusan kewangan di BBP yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik kawalan pengurusan kewangannya.

7.1.2 Jabatan Audit Negara telah melaksanakan **sistem penarafan indeks akauntabiliti** mulai tahun 2007 berdasarkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi BBP supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. BBP yang dipilih secara giliran setiap 3 tahun akan dinilai tahap pengurusan kewangan mereka berasaskan kriteria yang diukur secara objektif dan menjadi penanda aras ke arah penambahbaikan demi kecemerlangan pengurusan kewangan. Sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti mengambil kira 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan merangkumi kawalan pengurusan; kawalan bajet; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit; pengurusan aset dan stor; pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan.

7.1.3 Badan Berkanun Persekutuan akan diberi markah terhadap setiap pematuhan kepada peraturan kewangan bagi aspek utama kawalan pengurusan kewangan. Berdasarkan markah keseluruhan yang diperolehi, penarafan diberi terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan seperti berikut:

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Sangat Baik	★★★★
70 – 89	Baik	★★★
50 – 69	Memuaskan	★★
< 49	Tidak Memuaskan	★

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

7.2.1 Pengauditan ini bertujuan untuk menilai pengurusan kewangan di BBP serta membolehkan penarafan diberi terhadap prestasi pengurusan kewangannya. Pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

7.2.1.1 Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

7.2.1.2 Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

7.2.1.3 Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

7.2.1.4 Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

7.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2012, pengauditan telah dijalankan di 30 BBP berdasarkan pusingan sekali dalam tempoh 3 tahun kecuali bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pengauditan dibuat pada setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2012 serta penyata kewangan BBP bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 di BBP berkenaan. Penyemakan ini dilaksanakan bagi menilai kedudukan prestasi pengurusan kewangan BBP secara menyeluruh. Pengauditan ini dijalankan di peringkat Ibu Pejabat agensi sahaja.

7.3.1 Kawalan Utama

Pelaksanaan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti adalah berdasarkan pengauditan terhadap 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan merangkumi kawalan pengurusan; kawalan bajet; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit; pengurusan aset dan stor; pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan. Penjelasan lanjut mengenai setiap kawalan tersebut adalah seperti berikut:

7.3.1.1 Kawalan Pengurusan

Kawalan pengurusan merupakan kawalan utama dan menyeluruh oleh pihak pengurusan untuk memastikan pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang

ditetapkan. Mekanisme kawalan pengurusan meliputi struktur organisasi, sistem dan prosedur yang diwujudkan, keberkesanan jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang ditubuhkan serta pengurusan sumber manusia. Pihak pengurusan perlu memastikan pengurusan kewangan diurus dengan baik melalui sistem dan prosedur yang teratur, kawalan dalaman dan pemantauan yang berkesan.

7.3.1.2 Kawalan Bajet

Bajet adalah perancangan kewangan yang merupakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan BBP bagi sesuatu tahun kewangan. Pengurusan bajet bertujuan memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan, mengawal operasi dan mengurus prestasi bagi mencapai objektifnya. Pengurusan bajet meliputi peringkat penyediaan, pindah peruntukan, kawalan dan pemantauan perbelanjaan hingga kepada pelaporan mengenai pencapaiannya.

7.3.1.3 Kawalan Terimaan

Pengurusan terimaan merupakan prosedur yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan BBP diurus mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan serta diakaunkan dengan sempurna. Di samping itu, Badan Berkanun Persekutuan perlu memastikan semua aspek keselamatan telah diambil kira bagi melindungi aset, wang, resit dan kaunter kutipan.

7.3.1.4 Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan meliputi pengurusan perolehan, memproses bayaran dan perakaunan. Perbelanjaan dibuat sama ada melalui peruntukan mengurus dan pembangunan. Langkah kawalan perbelanjaan yang sempurna menjamin peruntukan dibelanjakan dengan cekap dan berhemat selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berkesan dapat mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan pemborosan.

7.3.1.5 Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

- a. Akaun Amanah diwujudkan di bawah seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 manakala Kumpulan Wang Amanah diwujudkan di bawah seksyen 10, Akta yang sama. Akaun Amanah bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada agensi bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan.

- b. Pengurusan akaun amanah, kumpulan wang amanah dan deposit hendaklah dibuat oleh BBP mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod individu perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan.

7.3.1.6 Pengurusan Aset Dan Stor

Pengurusan aset dan stor merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan. Ia hendaklah diurus secara cekap, teratur dan berhemat selaras dengan peraturan kewangan. Aset dan stor yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkod, dikawal dan dipantau dengan sempurna. Rekod berkaitan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

7.3.1.7 Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

- a. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan mengambil kira risiko yang berkaitan. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan.
- b. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negara, menampung perbelanjaan dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon.

7.3.1.8 Penyerahan Penyata Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki BBP mengemukakan penyata kewangan masing-masing kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan BBP dibentangkan di Parlimen pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua BBP. Di samping itu, pembentangan yang awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi kewangan BBP dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

7.4 PENEMUAN AUDIT

7.4.1 Prestasi Pengurusan Kewangan

7.4.1.1 Pada tahun 2012, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 30 daripada 122 BBP yang diaudit. Pengauditan yang dilaksanakan terhadap 29 BBP pada tahun 2012 adalah bagi pusingan kedua kerana penarafan pernah dijalankan terhadap BBP tersebut pada tahun sebelumnya atau tahun 2009. Pada tahun 2012 sebanyak 21 BBP telah diberi penarafan berbanding sebanyak 33 BBP diberi penarafan pada tahun 2009. Jumlah penarafan telah berkurangan sebanyak 12 BBP atau 36.4% pada tahun 2012 berbanding tahun 2009 adalah disebabkan oleh faktor seperti berikut:

- a. Tiga BBP telah diaudit pada tahun 2011 dan prestasi pengurusan kewangannya telah dilaporkan bersama dengan BBP lain yang terletak di bawah kementerian yang sama iaitu Kementerian Pengangkutan.
- b. Satu BBP akan dilaksanakan pengauditan dan penarafan diberi pada tahun 2013.
- c. Lapan BBP yang diaudit didapati tidak lengkap atau tidak mempunyai kesemua 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan yang dinilai dan tidak diberi penarafan.


7.4.1.2 Prestasi tahap penarafan pengurusan kewangan di BBP bagi tahun pertama penilaiannya oleh Jabatan Audit Negara iaitu pada tahun 2007 sehingga tahun 2012 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 7.1
PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2012**

TAHAP PENARAFAN	BIL. BBP/TAHUN					
	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Sangat Baik	2	-	2	10	4	6
Baik	22	30	27	19	28	11
Memuaskan	2	2	4	2	3	3
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	1
JUMLAH	26	32	33	31	35	21

Sumber : Jabatan Audit Negara

**CARTA 7.1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2012**



7.4.1.3 Pada tahun 2012, analisis menunjukkan 6 BBP atau 28.6% berada pada tahap Sangat Baik manakala 11 BBP atau 52.4% pada tahap Baik dan 3 BBP atau 14.3% lagi pada tahap Memuaskan serta 1 BBP pada tahap Tidak Memuaskan. BBP yang mencapai tahap Sangat Baik pada tahun 2012 adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Perbadanan Putrajaya, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dan Majlis Peperiksaan Malaysia.

7.4.1.4 Laporan ringkas terhadap 6 BBP yang mencapai Sangat Baik adalah seperti berikut:

a. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan penggubal dasar dan badan Induk dalam mengawasi pembangunan dan perkembangan Agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Pada keseluruhannya, MAIWP telah melaksanakan pengurusan kewangannya dengan sangat baik. Kepimpinan dan komitmen yang tinggi oleh Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan semua pegawai MAIWP telah mewujudkan satu rangkaian yang amat berkesan bagi memastikan objektif MAIWP tercapai. Prestasi kewangan MAIWP pada tahun 2012 adalah baik kerana MAIWP memperoleh peningkatan dalam lebih pendapatan iaitu berjumlah RM111.15 juta berbanding pada tahun 2011 berjumlah RM75.63 juta iaitu peningkatan sebanyak RM35.52 juta atau 31.9% disebabkan peningkatan dalam hasil kutipan zakat yang diperoleh pada tahun 2012.

b. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) mempunyai misi untuk mempromosikan perusahaan Malaysia ke pasaran dunia bagi mencapai visinya iaitu untuk menempatkan Malaysia sebagai negara perdagangan global yang kompetitif. Pada keseluruhannya, MATRADE telah melaksanakan pengurusan kewangannya dengan sangat baik. Pengurusan organisasi MATRADE telah dilaksanakan dengan baik dan teratur. MATRADE telah mewujudkan Unit Kompetensi, Inovasi Dan Pembangunan Kerjaya bagi merancang, mengendali dan memantau kursus dan latihan pegawainya. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan MATRADE pada tahun 2012 adalah pada tahap baik kerana kedudukan aset bersih MATRADE yang berjumlah RM176.02 juta masih mampu menampung kesemua tanggungan MATRADE sepenuhnya yang berjumlah RM22.93 juta.

c. Perbadanan Produktiviti Malaysia

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mempunyai fungsi utama sebagai menerajui penggalakan dan penyebaran maklumat dan isu-isu yang berkaitan dengan produktiviti. Pada keseluruhannya, MPC telah melaksanakan pengurusan kewangannya dengan sangat baik. Kepimpinan dan komitmen yang tinggi oleh Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan semua pegawai MPC telah mewujudkan satu rangkaian yang amat berkesan bagi memastikan objektif MPC tercapai. Prestasi kewangan MPC pada tahun 2012 secara keseluruhannya adalah baik. Kedudukan aset MPC adalah kukuh di mana jumlah aset berjumlah RM72.46 juta dengan aset semasa berjumlah RM52.19 juta mampu menanggung liabiliti semasa berjumlah RM1.26 juta.

d. Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) bertanggungjawab mengurus dan mentadbir kawasan Perbadanan Putrajaya bagi pihak Wilayah Persekutuan. Antara visi PPj adalah untuk menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur yang memenuhi keperluan sosioekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat. PPj telah melaksanakan pengurusan kewangannya dengan berkesan. Selain itu, kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan serta semua pegawai yang terlibat adalah cemerlang. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan PPj pada tahun 2012 adalah baik berdasarkan kedudukan aset semasa berjumlah RM609.23 juta berbanding dengan liabiliti semasa berjumlah RM158.43 juta. Selain itu, nisbah hutang yang

rendah iaitu pada kadar 3.5% juga menunjukkan PPj mampu melaksanakan operasinya pada tahun-tahun hadapan.

e. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah


Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1973. Antara objektif RISDA adalah melaksanakan pembaharuan pertanian yang dihasilkan daripada penyelidikan. Pengurusan kewangan RISDA adalah sangat baik dan kedudukan struktur organisasi RISDA adalah selaras dari segi susunan, penugasan dan objektif yang hendak dicapai. Jawatankuasa yang ditubuhkan telah menjalankan tanggungjawab mengikut pekeliling yang berkuat kuasa. Selain itu, peraturan kewangan yang diwujudkan oleh RISDA telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Peraturan kewangan tersebut juga telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa RISDA. Secara keseluruhannya, pada tahun 2012 kedudukan kewangan RISDA adalah kukuh berdasarkan kedudukan aset semasa berjumlah RM2.82 bilion berbanding dengan liabiliti semasa berjumlah RM229.82 juta. Kedudukan ini juga dapat dilihat melalui nisbah semasa di mana aset semasa bersih dapat menampung liabiliti semasa lebih 12.25 kali. Pendapatan RISDA pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM132.19 juta atau 11% manakala perbelanjaan RISDA pula meningkat sejumlah RM149.93 juta atau 15% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.

f. Majlis Peperiksaan Malaysia

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) adalah bertanggungjawab untuk mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu seperti peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) serta semua perkara lain yang perlu atau berkaitan dengan peperiksaan tersebut. Pada tahun 1999, MPM juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Malaysian University English Test (MUET). Pada keseluruhannya MPM telah melaksanakan pengurusan kewangannya dengan sangat baik. Selain itu, kepimpinan dan komitmen oleh pengurusan atasan dan semua pegawai MPM telah mewujudkan satu rangkaian sistem pengurusan yang baik untuk memastikan objektif MPM tercapai. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan MPM pada tahun 2012 adalah baik berdasarkan kedudukan aset semasa berjumlah RM146.44 juta berbanding dengan liabiliti semasa berjumlah RM2.90 juta. Nisbah semasa MPM adalah pada tahap yang baik dengan kadar 50.50 kali iaitu menunjukkan keupayaan MPM menampung liabiliti semasa bagi tahun 2012. Lebihan pendapatan MPM telah meningkat sejumlah RM15.50 juta atau melebihi 100% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011.

Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2012 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 7.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012




7.4.1.5 Perbandingan prestasi pengurusan kewangan BBP pada tahun 2012 dan 2009 telah dibuat bagi semua BBP kecuali MAIWP berdasarkan penarafan tahun 2011. Analisis menunjukkan 6 BBP mencapai tahap Sangat Baik pada tahun 2012 berbanding 3 BBP tahun 2009 dan 2011. Pada tahun 2012, MPC dan PPj masih mengekalkan tahap Sangat Baik yang pernah dicapai pada tahun 2009 dan MAIWP juga masih mengekalkan tahap Sangat Baik sejak tahun 2011. MATRADE, RISDA dan MPM telah menunjukkan peningkatan dengan mendapat

tahap Sangat Baik pada tahun 2012 berbanding tahap Baik pada tahun 2009. Selain itu, MKM dan MSN juga telah menunjukkan peningkatan daripada tahap Memuaskan pada tahun 2009 kepada tahap Baik pada tahun 2012.

7.4.1.6 Bagaimanapun, prestasi pengurusan kewangan bagi FELDA, SME CORP dan PAK pada tahun 2012 telah menurun dengan hanya mendapat tahap Memuaskan berbanding tahap Baik pada tahun 2009. Penurunan prestasi FELDA disebabkan antaranya pengurusan aset dan stor tidak memuaskan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan tidak ditubuhkan, pegawai penerima aset tidak dilantik, sebahagian besar aset tidak dilabel dan tiada program penyenggaraan aset disediakan. Prestasi SME CORP pula menurun antaranya kerana tidak menyediakan penyata penyesuaian bank bagi tahun 2012 mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pemeriksaan aset, stok dan verifikasi stor juga tidak dilaksanakan serta tiada laporan aset disediakan walaupun Unit Pengurusan Aset ada ditubuhkan. Kelemahan pengurusan kewangan PAK antaranya ialah kawalan terimaan kurang memuaskan dan mendapat Sijil Berteguran bagi penyata kewangan tahun 2011. Prestasi pengurusan kewangan FINAS juga telah menurun pada tahun 2012 dengan mendapat tahap Tidak Memuaskan berbanding Memuaskan pada tahun 2009 kerana mendapat Sijil Berteguran bagi tahun kewangan 2011 dan kelewatan mengemukakan laporan tahunan kepada kementerian. Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2012 berbanding tahun 2009/2011 adalah seperti di carta berikut:


CARTA 7.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2012 BERBANDING TAHUN 2009/2011



7.4.1.7 Analisis Audit terhadap kawalan pengurusan, bajet, terimaan dan perbelanjaan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik oleh BBP pada tahun 2012. Sebanyak 14 BBP mencapai tahap Sangat Baik untuk kawalan pengurusan manakala 18 mencapai tahap Sangat Baik dalam kawalan bajet dan sebanyak 11 untuk kawalan terimaan. Bagaimanapun, hanya 8 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam kawalan perbelanjaan. Selain itu, sebanyak 1 BBP mendapat tahap Tidak Memuaskan dalam kawalan pengurusan dan bajet serta


tiada BBP mendapat tahap Tidak Memuaskan dalam kawalan terimaan dan perbelanjaan. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.4
PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN, BAJET, TERIMAAN
DAN PERBELANJAAN TAHUN 2012**



7.4.1.8 Analisis Audit terhadap pengurusan akaun amanah/kumpulan amanah dan deposit, aset dan stor, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan mendapati lebih daripada 14 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan. Bagaimanapun, hanya 4 BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan aset dan stor manakala sebanyak 9 berada pada tahap Memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.5
PRESTASI PENGURUSAN AMANAH, ASET DAN STOR, PELABURAN DAN PINJAMAN
SERTA PENYATA KEWANGAN TAHUN 2012**




7.4.1.9 Prestasi Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

Analisis terhadap kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit; pengurusan aset dan stor; pengurusan pelaburan dan pinjaman; dan penyerahan penyata kewangan menunjukkan kedudukan seperti berikut:

a. Kawalan Pengurusan

- i. Aspek utama yang dinilai bagi kawalan pengurusan adalah struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia. Analisis menunjukkan 14 BBP atau 66.7% berada di tahap prestasi yang Sangat Baik, manakala 4 BBP atau 19% menunjukkan prestasi Baik dan 2 BBP atau 9.5% berada di tahap yang Memuaskan serta 1 BBP atau 4.8% berada di tahap yang Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan bagi kawalan pengurusan BBP adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.6
PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN**



Sangat Baik	Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan
1. PSM 2. PPj 3. PPUM 4. RISDA 5. MPC 6. MTIB 7. MIDA	8. MATRADE 9. MAIWP 10. MQA 11. BERNAMA 12. PAK 13. MPM 14. MKM	1. MSN 2. SME CORP 3. PTPTN 4. MyIPO	1. LGMPC 2. FINAS 1. FELDA

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan pengurusan menunjukkan sebanyak 16 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam struktur organisasi dan diikuti sebanyak 14 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam. Selain itu, BBP ini juga mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan sumber manusia iaitu sebanyak 12 manakala sebanyak 10 dalam sistem dan prosedur. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.7
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN PENGURUSAN**




iii. Antara kelemahan yang diperhatikan di bawah kawalan pengurusan adalah carta organisasi yang dipamerkan tidak dikemas kini dan pengisian perjawatan tidak mengikut waran perjawatan yang diluluskan, surat penurunan kuasa tidak dikeluarkan serta pemeriksaan mengejut tidak dijalankan secara menyeluruh.

b. Kawalan Bajet

i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan bajet adalah penyediaan bajet, kelulusan viremen/pindah peruntukan/tambahan peruntukan dan pemantauan kemajuan/prestasi perbelanjaan. Analisis menunjukkan 18 BBP atau 85.7% berada pada tahap Sangat Baik, 2 BBP atau 9.5% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan 1 BBP atau 4.8% menunjukkan prestasi yang Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan bajet bagi 21 BBP yang diaudit adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.8
PRESTASI KAWALAN BAJET**



Sangat Baik		Baik	Tidak Memuaskan
1. MQA	10. MATRADE	1. RISDA	1. FINAS
2. MIDA	11. PPj	2. MPC	
3. FELDA	12. PSM		
4. MTIB	13. PTPTN		
5. LGMPC	14. BERNAMA		
6. MAIWP	15. PPUM		
7. MPM	16. SME CORP		
8. MKM	17. MSN		
9. MyIPO	18. PAK		

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan bajet menunjukkan 17 BBP yang diaudit mendapat tahap Sangat Baik bagi penyediaan bajet, 14 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi kelulusan viremen/pindah/tambahan peruntukan dan 13 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi pemantauan kemajuan/prestasi perbelanjaan.

CARTA 7.9
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAJET




- iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan bajet ialah cadangan belanjawan tidak diluluskan oleh Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah, cadangan belanjawan tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis dan pindah peruntukan tidak dikemas kini dalam buku vot.

c. Kawalan Terimaan

- i. Aspek utama yang dinilai dalam kawalan terimaan adalah pengurusan borang hasil, peraturan penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan dan pemantauan terhadap penghutang. Analisis menunjukkan 11 BBP atau 52.4% menunjukkan prestasi yang Sangat Baik manakala 6 BPP atau 28.6% menunjukkan

prestasi yang Baik dan 4 BBP atau 19% berada pada tahap yang Memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan terimaan agensi adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.10
PRESTASI KAWALAN TERIMAAN**



Sangat Baik		Baik	Memuaskan
1. MATRADE	7. FELDA	1. PPj	1. MSN
2. LGMPC	8. MKM	2. PSM	2. PAK
3. MPM	9. MPC	3. MyIPO	3. FINAS
4. MQA	10. MAIWP	4. PPUM	4. MIDA
5. PTPTN	11. RISDA	5. SME CORP	
6. MTIB		6. BERNAMA	

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan terimaan menunjukkan lebih 50% BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam kawalan penerimaan wang, kemasukkan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan kawalan penghutang. Selain itu, sebanyak 4 BBP atau 19% mendapat tahap Tidak Memuaskan bagi kawalan perakaunan terimaan/hasil. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.11
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN TERIMAAN**




- iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan terimaan adalah kelewatan kemasukan pungutan ke bank, slip bayar masuk bank tidak disemak, penyata penyesuaian bank tidak disediakan setiap bulan, buku tunai tidak dikemas kini, laporan pengumuman penghutang tidak disediakan, daftar cek tak laku disediakan tetapi tiada tindakan diambil untuk mengutip tunggakan hasil.

d. Kawalan Perbelanjaan

- i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan perbelanjaan adalah kawalan perakaunan perbelanjaan, pengurusan perolehan dan pengurusan pembayaran. Analisis menunjukkan 8 BBP atau 38.1% pada tahap prestasi yang Sangat Baik manakala 11 atau 52.4% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan 2 atau 9.5% berada pada tahap yang Memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan perbelanjaan di BBP adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.12
PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN**



Sangat Baik		Baik		Memuaskan
1. MATRADE	5. RISDA	1. MQA	7. PSM	1. FINAS
2. MAIWP	6. MTIB	2. MIDA	8. BERNAMA	2. SME CORP
3. PPj	7. MPC	3. MyIPO	9. MKM	
4. LGMPC	8. MPM	4. FELDA	10. PAK	
		5. PTPTN	11. PPUM	
		6. MSN		

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan perbelanjaan mendapati 10 BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam perakaunan perbelanjaan manakala sebanyak 11 mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan perolehan dan hanya 9 mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan pembayaran. Selain itu, 4 BBP mendapat tahap Tidak Memuaskan bagi perakaunan perbelanjaan. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.13
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN PERBELANJAAN**




iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut:

- Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan pelarasan tidak dibuat terhadap item yang tidak disesuaikan;
- Pesanan pembelian tempatan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian; dan
- Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna.

e. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

i. Pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit hendaklah dibuat oleh BBP mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod individu perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Analisis menunjukkan sebanyak 9 BBP atau 42.9% pada tahap prestasi yang Sangat Baik manakala 5 BBP atau 23.8% menunjukkan prestasi yang Baik. Sebanyak 4 BBP atau 19% menunjukkan prestasi yang Memuaskan dan 3 BBP atau 14.3% berada pada tahap Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.14
PRESTASI PENGURUSAN AKAUN
AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**



Sangat Baik		Baik		Memuaskan		Tidak Memuaskan	
1. MATRADE	6. PAK	1. PPj	1. MyIPO	1. MSN			
2. MPM	7. MAIWP	2. MPC	2. MKM	2. FINAS			
3. LGMPC	8. MQA	3. RISDA	3. PPUM	3. FELDA			
4. MTIB	9. PTPTN	4. SME CORP	4. BERNAMA				
5. PSM		5. MIDA					

ii. Prestasi mengikut elemen di bawah pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit menunjukkan 1 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan akaun amanah manakala 10 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan kumpulan wang pinjaman dan sebanyak 8 BBP berada pada tahap Sangat Baik dalam pengurusan akaun deposit. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.15
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN
AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**




iii. Antara kelemahan yang diperhatikan di bawah kawalan pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit ialah:





- Pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah tidak menyediakan Surat Arahan Amanah dan tidak diuruskan mengikut Surat Arahan Amanah/Perjanjian Amanah serta Akaun Amanah yang tidak aktif tidak ditutup.
- Pengurusan akaun deposit tidak memuaskan kerana bayaran balik deposit tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, tidak mewartakan deposit yang tidak dituntut melebihi 3 bulan dan terdapat deposit yang melebihi 3 bulan setelah diwartakan tidak dikemukakan kepada Akauntan Negara mengikut Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

f. Pengurusan Aset Dan Stor

i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan pengurusan aset dan stor adalah keberkesanan Jawatankuasa Pengurusan Aset, peraturan penerimaan aset, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyenggaraan, prosedur pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset. Analisis menunjukkan 4 BBP atau 19% pada tahap prestasi yang Sangat Baik manakala 5 BBP atau 23.8% menunjukkan prestasi Baik dan 9 BBP atau 42.9% berada pada tahap yang Memuaskan serta 3 BBP atau 14.3% berada pada tahap yang Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan pengurusan aset dan stor adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.16
PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR**



 Sangat Baik	 Baik	 Memuaskan	 Tidak Memuaskan
1. MAIWP 2. PPUM 3. MATRADE 4. PPj	1. MPM 2. MPC 3. SME CORP 4. RISDA 5. PAK	1. MQA 2. MKM 3. PSM 4. MSN 5. FINAS	6. BERNAMA 7. PTPTN 8. LGMPC 9. MTIB 1. MyIPO 2. MIDA 3. FELDA


- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah pengurusan aset dan stor menunjukkan peratusan agensi yang mendapat tahap Sangat Baik adalah rendah bagi kawalan umum, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset. Bagaimanapun, sebanyak 12 BBP mencapai tahap Sangat Baik bagi pengurusan penerimaan aset. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 7.17
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN STOR



- iii. Selain itu, prestasi pengurusan aset dan stor bagi elemen penyenggaraan aset, pelupusan serta kehilangan dan hapus kira juga menunjukkan peratusan yang rendah. Prestasi pengurusan kehilangan dan hapus kira aset adalah yang paling rendah iaitu hanya 3 BBP mencapai tahap Sangat Baik. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 7.18
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN STOR



iv. Pengurusan aset dan stor merupakan elemen kawalan yang paling lemah dalam pengurusan kewangan agensi. Antara kelemahan yang diperhatikan di bawah pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak ditubuhkan dan laporan berkaitan pengurusan aset tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada Kementerian mengikut tempoh yang ditetapkan. Pegawai aset juga tidak dilantik secara bertulis.
- Pegawai penerima aset masih belum dilantik dan pelantikan pegawai penerima tidak dibuat secara bertulis.
- Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan. Selain itu, Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) serta Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan. Kad Kawalan Stok [KEW.PS-3 (Stor Pusat dan Stor Utama)] dan Kad Petak [KEW.PS-4 (Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit)] juga tidak diselenggarakan.
- Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan mengikut peraturan. Pegawai Pemeriksa Aset dan Stok tidak dilantik secara bertulis. Selain itu, Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) serta Laporan Pemeriksaan (KEW.PS-14) tidak disediakan. Pegawai Pemverifikasi Stor juga tidak dilantik dan verifikasi stor tidak dilaksanakan.
- Fail Sejarah dan Buku Log tidak diselenggarakan bagi setiap kenderaan dengan lengkap dan kemas kini. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden dan Daftar Penggunaan Kad *Touch N Go* juga tidak diselenggarakan dan Kad Inden Minyak dan Kad *Touch N Go* tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.
- Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) dan program penyenggaraan tidak disediakan. Selain itu, penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).
- Pelupusan aset tidak dilaksanakan dengan teratur seperti jadual pemeriksaan aset yang hendak dilupuskan tidak disediakan dan pemeriksaan aset lewat dijalankan. Selain itu, Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17) tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada Urus Setia Pelupusan dalam tempoh 2 minggu selepas pemeriksaan dijalankan. Pelupusan juga tidak dibuat dalam tempoh


yang ditetapkan dan Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) tidak disediakan.

- Kehilangan dan hapus kira tidak diurus dengan teratur. Kehilangan aset tidak dilaporkan kepada Ketua Agensi dengan serta merta dan Laporan Polis tidak dibuat dalam tempoh 24 jam. Selain itu, Laporan Awal Kehilangan (KEW.PA-28) lewat dikemukakan kepada Ketua Agensi untuk tindakan susulan. Jawatankuasa penyiasat juga lewat ditubuhkan bagi menyiasat kes kehilangan. Di samping itu, Laporan Akhir (KEW.PA-30/Lampiran K) lewat disediakan dan tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus dalam tempoh yang ditetapkan.

g. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

- Aspek utama yang dinilai di bawah pengurusan pelaburan dan pinjaman adalah pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman. Analisis menunjukkan 14 BBP atau 66.6% berada pada tahap Sangat Baik, 4 BBP atau 19% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan masing-masing 1 BBP atau 4.8% menunjukkan prestasi yang Memuaskan dan Tidak Memuaskan. Selain itu, terdapat 1 BBP atau 4.8% yang Tidak Berkenaan bagi pengurusan pelaburan dan pinjaman. Prestasi keseluruhan pengurusan pelaburan dan pinjaman adalah seperti di carta berikut:


**CARTA 7.19
PRESTASI PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN**



Sangat Baik		Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan	Tidak Berkenaan
1. MIDA	8. MATRADE	1. PAK	1. MPM	1. FINAS	1. LGMPC
2. FELDA	9. MPC	2. MQA			
3. MTIB	10. PPj	3. PSM			
4. MAIWP	11. PTPTN	4. SME CORP			
5. MSN	12. BERNAMA				
6. MKM	13. RISDA				
7. MyIPO	14. PPUM				

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah pengurusan pelaburan dan pinjaman menunjukkan sebanyak 14 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi pengurusan pelaburan dan 9 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi pengurusan pinjaman.

CARTA 7.20
PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN




- iii. Antara kelemahan utama di bawah pengurusan pelaburan dan pinjaman ialah jawatankuasa pelaburan tidak ditubuhkan, polisi dan prosedur berkaitan pelaburan tidak disediakan, tiada penetapan had kuasa bagi pelaburan yang dibuat dan pelaburan tidak didaftarkan dengan lengkap serta kemas kini.

h. Kawalan Penyata Kewangan

- i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan penyata kewangan adalah penyerahan penyata kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan, mendapat Sijil Tanpa Teguran dan penyerahan Laporan Tahunan ke Kementerian selewat-lewatnya pada 30 September. Analisis menunjukkan 14 BBP atau 66.7% menunjukkan prestasi pada tahap Sangat Baik, 2 BBP atau 9.5% menunjukkan prestasi pada tahap Baik, 2 BBP atau 9.5% menunjukkan prestasi yang Memuaskan dan 3 BBP atau 14.3% menunjukkan prestasi yang Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan penyata kewangan bagi 21 BBP yang diaudit adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 7.21
PRESTASI KAWALAN PENYATA KEWANGAN**



Sangat Baik		Baik		Memuaskan		Tidak Memuaskan	
1. MQA	8. FELDA	1. MATRADE		1. MTIB		1. SME CORP	
2. MPM	9. PTPTN	2. PPj		2. PSM		2. PAK	
3. LGMPC	10. BERNAMA					3. FINAS	
4. MSN	11. RISDA						
5. MKM	12. MIDA						
6. MyIPO	13. PPUM						
7. MPC	14. MAIWP						

- ii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan penyata kewangan ialah mendapat Sijil Berteguran dan kegagalan untuk menyerahkan Laporan Tahunan kepada Kementerian sebelum 30 September.

7.5 RUMUSAN DAN SYOR

7.5.1 Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di BBP yang diaudit adalah baik kerana peraturan yang berkuat kuasa dan undang-undang yang berkaitan telah dipatuhi. Selain itu, rekod yang berkaitan juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, beberapa aspek kawalan pengurusan kewangan masih perlu ditingkatkan terutamanya bagi pengurusan aset dan stor; pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit; dan pengurusan pelaburan dan pinjaman. Aspek kawalan ini perlu ditingkatkan kerana didapati prestasi yang tidak memuaskan di 12 BBP yang diaudit. Selain itu, perubahan peraturan dan pertukaran pegawai juga merupakan alasan terhadap kelemahan pengurusan kewangan di BBP yang diaudit. Perkara ini dapat diatasi jika semua pihak yang terlibat memainkan peranan mengikut tanggungjawab yang ditetapkan.

7.5.2 Ketua Pegawai Eksekutif BBP yang mendapat penarafan di tahap yang sama atau menurun berbanding tahun pengauditan sebelumnya perlu mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan kawalan terhadap teguran yang dibangkitkan dan memantau prestasi kewangannya dari semasa ke semasa. Tahap pengurusan kewangan yang baik adalah penting bagi meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus di BBP. Selain itu, Ketua Setiausaha Kementerian yang berkaitan juga perlu membuat pemantauan yang berterusan bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan BBP di bawah seliaannya supaya berada di tahap yang membanggakan.

PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI DAN DAERAH

8. PEMERIKSAAN MENGEJUT DI PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI DAN DAERAH

8.1 PENDAHULUAN

8.1.1 Pemeriksaan mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

8.1.2 Pemeriksaan mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, pungutan hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan. Tujuannya adalah untuk memastikan ianya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan agensi.

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pemeriksaan mengejut adalah untuk menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

8.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.3.1 Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan segala penerimaan wang, wang panjar, setem/ mesin *franking*/ setem hasil, borang hasil yang dikawal, wang yang diterima untuk dibahagi-bahagikan, barang-barang berharga, sijil pelaburan, kad pintar bayaran, barang individu tahanan sementara dan barangan sensitif/keselamatan bagi tahun 2012 di 90 pejabat Badan Berkanun Persekutuan seluruh negara. Tempoh menjalankan pemeriksaan mengejut adalah satu hari atau mengikut keperluan berdasarkan saiz auditi.

8.3.2 Metodologi pemeriksaan mengejut ialah pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam dan barang-barang berharga, analisis terhadap rekod-rekod kewangan, temubual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan terhadap kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, keadaan/kandungan peti besi serta lawatan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor.

8.4 PENEMUAN AUDIT

8.4.1 Pada tahun 2012, pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan di 90 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di seluruh negara seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.1
PEMERIKSAAN MENGEJUT DI 90 PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

BIL.	PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
1.	Bank Negara Malaysia Kota Kinabalu, Sabah
2.	Bank Negara Malaysia Kuching, Sarawak
3.	Bank Simpanan Nasional Taman Sentosa, Johor Bahru
4.	Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sabah, Kota Kinabalu
5.	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Stesen Penyelidikan Kluang, Johor
6.	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Stesen Penyelidikan Kuala Linggi, Melaka
7.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Alor Gajah, Melaka
8.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bintulu, Sarawak
9.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Jasin, Melaka
10.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kajang Selangor
11.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Miri, Sarawak
12.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Shah Alam, Selangor
13.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Sungai Petani, Kedah
14.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Taiping, Perak
15.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Johor Bharu, Johor
16.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Kangar, Perlis
17.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Shah Alam, Selangor
18.	Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor
19.	Lembaga Getah Malaysia, Perlis/Kedah/Pulau Pinang
20.	Lembaga Getah Malaysia, Wilayah Selatan
21.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kelana Jaya, Selangor
22.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kluang, Johor
23.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Bahagian Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia, Selangor, Bandar Baru Bangi, Selangor
24.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Wilayah Timur Kuantan, Pahang
25.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pengkalan Petah, Bachok Kelantan
26.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pusat Pemeriksaan Ikan, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan
27.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemahang Satu, Tanah Merah, Kelantan
28.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Terengganu
29.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Alor Setar, Kedah
30.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Ayer Keroh, Melaka
31.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Jasin, Melaka
32.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Puchong, Selangor
33.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Kuala Langat, Selangor
34.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Wilayah Timur, Kelantan
35.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Perlis
36.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Pulau Pinang
37.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Pusat Operasi, Kuantan, Pahang

BIL.	PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
38.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Alor Setar, Kedah
39.	Lembaga Pembangunan dan Perancang Keluarga Negara, Klinik Sejahtera, Cawangan Terengganu
40.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Kota Bharu, Kelantan
41.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Kuching, Sarawak
42.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Kuantan, Pahang
43.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Kelantan
44.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Pusat Pembangunan Fiber dan Biokomposit, Banting, Selangor
45.	Lembaga Tabung Haji Daerah Bentong, Pahang
46.	Majlis Amanah Rakyat Daerah Bentong, Pahang
47.	Majlis Amanah Rakyat Daerah Bintulu, Sarawak
48.	Majlis Amanah Rakyat Daerah Hulu Selangor, Selangor
49.	Majlis Amanah Rakyat Daerah Limbang, Sarawak
50.	Majlis Amanah Rakyat Daerah Miri, Sarawak
51.	Majlis Amanah Rakyat Daerah Mukah, Sarawak
52.	Majlis Amanah Rakyat Dungun, Terengganu
53.	Majlis Amanah Rakyat, IKM, Kuala Lumpur
54.	Majlis Amanah Rakyat, Kelantan
55.	Majlis Amanah Rakyat Kuala Selangor, Selangor
56.	Majlis Amanah Rakyat Muar, Johor
57.	Majlis Amanah Rakyat Pendang, Kedah
58.	Majlis Amanah Rakyat, Perlis
59.	Majlis Amanah Rakyat, MRSM Merbok, Kedah
60.	Majlis Amanah Rakyat, MRSM Kubang Pasu, Kedah
61.	Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah
62.	Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara, Kedah
63.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Sabah
64.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Timur Kuantan, Pahang
65.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kangar, Perlis
66.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kota Bharu, Kelantan
67.	Pertubuhan Keselamatan Sosial, Petaling Jaya, Selangor
68.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, Kedai PN840 Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur
69.	Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam, Selangor
70.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Daerah Pahang Timur, Pahang
71.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Daerah Kemaman, Terengganu
72.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Daerah Segamat, Johor
73.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Jajahan Tanah Merah, Kelantan
74.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Johor, Bandar Baru Uda Johor Bharu, Johor
75.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Perlis, Kangar, Perlis
76.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Kelang, Selangor
77.	Suruhanjaya Koperasi Wilayah Segamat, Johor
78.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Sik Kedah
79.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia Kangar, Perlis
80.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sembilan
81.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia Terengganu
82.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Muar, Johor
83.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia Shah Alam, Selangor
84.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia Sungai Petani, Kedah
85.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Terengganu
86.	Universiti Malaysia Perlis, Jabatan Bendahari, Perlis
87.	Universiti Teknologi Malaysia, <i>International Campus</i> , Kuala Lumpur
88.	Universiti Teknologi Mara, Fakulti Pergigian Kampus Induk, Shah Alam, Selangor
89.	Universiti Teknologi Mara, Jabatan Bendahari, Arau Perlis
90.	Universiti Utara Malaysia, Cawangan Kuala Lumpur

Sumber: *Jabatan Audit Negara*

8.4.2 Pemeriksaan secara mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya sebanyak 43 pejabat atau 47.8% daripada 90 pejabat tersebut telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan dan sebanyak 47 pejabat lagi atau 52.2% masih tidak mematuhi semua peraturan. Antara penemuan Audit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.2
PENEMUAN AUDIT PADA TAHUN 2012

BIL	PENEMUAN AUDIT	PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
1.	WANG KUTIPAN Wang kutipan tidak diurus secara teratur seperti tidak disimpan selamat; lewat dibankkan; lewat direkod ke dalam Buku Tunai dan Buku Tunai tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.	<ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor ii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pusat Pemeriksaan Ikan, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan iii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Ayer Keroh, Melaka iv. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Timur, Kuantan v. Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam, Selangor vi. Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sembilan vii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia Terengganu viii. Universiti Teknologi Malaysia, <i>International Campus</i>, Kuala Lumpur ix. Universiti Teknologi Mara, Fakulti Pergigian Kampus Induk, Shah Alam, Selangor
2.	RESIT RASMI Daftar Borang Hasil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; stok Resit Rasmi tidak disemak dan tidak diperakui ketepatan nombor sirinya serta tidak disimpan di tempat yang selamat; resit rasmi lewat dikeluarkan dan resit rasmi dipinda/ dibatalkan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Shah Alam, Selangor iii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pengkalan Petah, Bachok Kelantan iv. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pusat Pemeriksaan Ikan, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan v. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemahang Satu, Tanah Merah, Kelantan vi. Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Kelana Jaya, Selangor vii. Majlis Amanah Rakyat Daerah Hulu Selangor viii. Majlis Amanah Rakyat, IKM, Kuala Lumpur ix. Majlis Amanah Rakyat, Kuala Selangor x. Pejabat Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Timur, Kuantan xi. Universiti Teknologi Malaysia, <i>International Campus</i>, Kuala Lumpur
3.	BUKU TUNAI Buku Tunai tidak diselenggara dengan teratur; tidak dikemas kini; semakan harian tidak dilakukan oleh ketua pejabat dan slip kemasukan wang ke bank tidak disemak.	<ul style="list-style-type: none"> i. Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam, Selangor ii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Terengganu iii. Universiti Teknologi Malaysia, <i>International Campus</i>, Kuala Lumpur
4.	DAFTAR MEL Daftar mel tidak diselenggara; tidak dikemaskini; tidak lengkap dan semakan harian dengan Buku Tunai tidak dilakukan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Puchong, Selangor ii. Majlis Amanah Rakyat Daerah Mukah, Sarawak iii. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Sabah, Sabah
5.	PEMERIKSAAN MENGEJUT Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan secara menyeluruh dan berkala serta tidak teratur seperti dikehendaki oleh peraturan dan Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak disediakan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Bank Negara Malaysia Cawangan Kota Kinabalu, Sabah ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kajang, Selangor iii. Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kluang, Johor iv. Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Shah Alam, Selangor v. Lembaga Hasil dalam Negeri, Pejabat Pengarah Negeri, Johor vi. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pengkalan Petah, Bachok Kelantan

BIL	PENEMUAN AUDIT	PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
		<ul style="list-style-type: none"> vii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pusat Pemeriksaan Ikan, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan viii. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemahang Satu, Tanah Merah, Kelantan ix. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah x. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Wilayah Timur, Kelantan xi. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Kedah xii. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Kelantan xiii. Majlis Amanah Rakyat Daerah Hulu Selangor xiv. Majlis Amanah Rakyat Daerah Miri, Sarawak xv. Majlis Amanah Rakyat Daerah Limbang, Sarawak xvi. Majlis Amanah Rakyat Dungun, Terengganu xvii. Majlis Amanah Rakyat, IKM, Kuala Lumpur xviii. Majlis Amanah Rakyat Kuala Selangor, Selangor xix. Majlis Amanah Rakyat Muar, Johor xx. Majlis Amanah Rakyat, MRSM Merbok, Kedah xxi. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Timur, Kuantan xxii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Negeri Sembilan xxiii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia Sungai Petani, Kedah
6.	<p>PENURUNAN KUASA</p> <p>Surat Penurunan Kuasa untuk menjalankan kerja kewangan dan perakaunan tidak disediakan.</p> <p>Surat Penurunan Kuasa untuk pemungut hasil tidak disediakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor ii. Majlis Amanah Rakyat Kangar, Perlis i. Bank Negara Malaysia Cawangan Kota Kinabalu, Sabah ii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pengkalan Petah, Bachok, Kelantan iii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pusat Pemeriksaan Ikan, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan iv. Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kelana Jaya, Selangor v. Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kluang, Johor vi. Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kuantan, Pahang vii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Puchong, Selangor viii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Pusat Operasi, Kuantan, Pahang ix. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Wilayah Timur, Kelantan. x. Majlis Amanah Rakyat Daerah Hulu Selangor, Selangor xi. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, Kedai PN840 Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur xii. Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara Panasonic, Shah Alam, Selangor xiii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Daerah Pahang Timur, Pahang
7.	<p>AMANAH/DEPOSIT</p> <p>Senarai Deposit Akhir Tahun tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor
8.	<p>PETI BESI</p> <p>Pengendalian Peti Besi tidak teratur dan tidak mengikut peraturan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor ii. Lembaga Getah Malaysia Negeri Kedah/Perlis /Pulau Pinang iii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pengkalan Petah, Bachok, Kelantan iv. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pusat Pemeriksaan Ikan, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan v. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemahang Satu, Tanah Merah, Kelantan vi. Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kluang, Johor vii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Puchong, Selangor viii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Wilayah Timur, Kelantan ix. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Kelantan x. Majlis Amanah Rakyat, IKM, Kuala Lumpur xi. Majlis Amanah Rakyat, MRSM Merbok, Kedah xii. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

BIL	PENEMUAN AUDIT	PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
		Wilayah Sabah, Sabah xiii. Universiti Teknologi Mara, Fakulti Pergigian Kampus Induk, Shah Alam, Selangor
	Surat Kuasa memegang anak kunci dan nombor kombinasi peti besi kepada pegawai bertanggungjawab tidak disediakan.	i. Lembaga Minyak Sawit Malaysia Kluang, Johor ii. Lembaga Pembangunan dan Perancang Keluarga Negara Cawangan Terengganu, Terengganu iii. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Kuantan, Pahang iv. Majlis Amanah Rakyat Daerah Hulu Selangor, Selangor v. Majlis Amanah Rakyat, MRSM Merbok, Kedah vi. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Jajahan Tanah Merah, Kelantan
9.	SETEM Daftar setem tidak diselenggara dengan kemas kini; rekod setem tidak disemak dan penyata penyesuaian setem tidak disediakan.	i. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemahang Satu, Tanah Merah, Kelantan ii. Majlis Amanah Rakyat Muar, Johor iii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Perlis iv. Universiti Teknologi Malaysia, <i>International Campus</i> , Kuala Lumpur
10.	PANJAR WANG RUNCIT Buku Panjar Wang Runcit tidak dikemas kini; surat kelulusan Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan; pembayaran melebihi had dibenarkan iaitu RM500 bagi setiap tuntutan; penggunaan wang panjar dibuat tidak mengikut peraturan; baucar kecil bagi Panjar Wang Runcit tidak disediakan dan tuntutan rekupmen masih belum diterima.	i. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Cawangan Taiping, Perak. ii. Lembaga Getah Malaysia, Akademi Hevea Malaysia, Sungai Buloh, Selangor iii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Puchong, Selangor iv. Lembaga Pembangunan dan Perancang Keluarga Negara Cawangan Terengganu, Terengganu v. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Pusat Pembangunan Fiber dan Biokomposit, Banting, Selangor vi. Majlis Amanah Rakyat Daerah Bintulu, Sarawak vii. Majlis Amanah Rakyat Daerah Limbang, Sarawak viii. Majlis Amanah Rakyat Daerah Miri, Sarawak ix. Majlis Amanah Rakyat Dungun, Terengganu x. Majlis Amanah Rakyat Kuala Selangor, Selangor xi. Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara, Kedah xii. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Wilayah Timur, Kuantan xiii. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia, Kedai PN840 Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur
11.	NOTIS PEMBERITAHUAN ORANG AWAM Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.	i. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Kemahang Satu, Tanah Merah, Kelantan ii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Daerah Puchong, Selangor iii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Wilayah Timur, Kelantan

8.4.3 Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan supaya tindakan pembetulan sewajarnya seperti meningkatkan kawalan dalaman serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa diambil. Ketua Jabatan berkenaan telah memaklumkan bahawa tindakan pembetulan telah diambil terhadap penemuan Audit yang dibangkitkan.

8.5 SYOR AUDIT

Secara keseluruhan, bagi mengelakkan penemuan Audit yang sama berulang, **disyorkan** supaya Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan di atas mengambil tindakan seperti berikut:

8.5.1 Memastikan perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembedulan (*corrective*) dan pencegahan (*preventive*) dengan segera.

8.5.2 Mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan.

8.5.3 Memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan berkaitan.

8.5.4 Membuat pusingan kerja terutamanya di tempat kerja yang mempunyai risiko tinggi.

8.5.5 Ketua Jabatan perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di Pusat Tanggungjawab yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

8.5.6 Mengenakan tindakan surcaj/tatatertib terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.

PEJABAT PERWAKILAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN LUAR NEGERI

9. PENGURUSAN KEWANGAN DI PEJABAT PERWAKILAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN LUAR NEGERI

9.1 LATAR BELAKANG

Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu dalam memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; pelancongan; pendidikan serta sains dan teknologi. Sehubungan itu, beberapa agensi Badan Berkanun Persekutuan telah beroperasi di luar negeri untuk mempertingkatkan atau mengukuhkan terutamanya aktiviti perdagangan dan pelaburan serta mempromosikan Malaysia kepada negara luar.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

9.3.1 Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2012 di 3 Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan seperti berikut:

- a. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di Stockholm, Sweden.
- b. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) di Stockholm, Sweden dan New Delhi, India.

9.3.2 Semakan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 6 elemen pengurusan kewangan iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Deposit/Pendahuluan; Pengurusan Aset dan Pengurusan Panjar.

9.3.3 Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dilakukan di Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan yang dilawati. Lawatan ke pejabat

tersebut telah dibuat pada tahun 2012. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap aset pejabat berkenaan.

9.4 PENEMUAN AUDIT

9.4.1 Kawalan Pengurusan

9.4.1.1 Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan adalah untuk menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap aspek kawalan pengurusan antaranya penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan hasil daripada teguran Audit dan pemeriksaan mengejut. Semakan Audit mendapati secara umumnya pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan yang dilawati adalah memuaskan kecuali Pejabat MIDA Sweden. Antara ketidakpatuhan adalah berkaitan penyediaan MPK dan Fail Meja. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi kawalan pengurusan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.1
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BAGI KAWALAN PENGURUSAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PENGURUSAN						
	a	b	c	d	e	f	g
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)							
Stockholm, Sweden	X	X	√	√	√	√	√
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)							
Stockholm, Sweden	√	√	√	√	√	√	√
New Delhi, India	√	√	√	√	√	√	X
PERATUS PEMATUHAN	66.7%	66.7%	100%	100%	100%	100%	66.7%

Nota: √ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah melaksanakan fungsi seperti yang ditetapkan.
- d. Penurunan kuasa dibuat dengan teratur.
- e. Teguran Jabatan Audit Negara dijawab dan tindakan susulan diambil.
- f. Teguran Unit Audit Dalam dijawab dan tindakan susulan diambil.
- g. Pemeriksaan Mengejut telah dilaksanakan mengikut ketetapan.

9.4.1.2 Semakan Audit mendapati pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri tidak menubuhkan JPKA selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2008 yang mengecualikan Pusat Tanggungjawab kurang daripada 10 orang pegawai untuk menubuhkan JPKA.

Bagaimanapun, pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan telah menganggotai JPKA di peringkat Pejabat Ketua Perwakilan. Selain itu, MPK di MIDA Sweden tidak lengkap dan kemas kini iaitu fungsi utama, proses kerja dan carta aliran kerja tidak dinyatakan dengan spesifik. Fail Meja di MIDA Sweden juga tidak lengkap dan kemas kini iaitu objektif bahagian dan kuasa menandatangani cek/giro tidak dinyatakan. Selain itu, semakan Audit di Pejabat Perwakilan LPPM India mendapati Pemeriksaan Mengejut ada dijalankan dan direkod dengan teratur tetapi tidak dibuat oleh Ketua Jabatan.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan masih boleh mengukuhkan lagi kawalan pengurusan dengan memastikan MPK dan Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini serta Pemeriksaan Mengejut dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, Pejabat Perwakilan MIDA Sweden telah mengemas kini MPK dan Fail Meja. Seterusnya, Pejabat Perwakilan LPPM India akan melantik wakil dari Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India untuk melaksanakan Pemeriksaan Mengejut. Ini kerana barangan berharga seperti dokumen, wang tunai dan lain-lain adalah di bawah simpanan Ketua Jabatan.

9.4.2 Kawalan Terimaan

9.4.2.1 Pengauditan terhadap aspek kawalan terimaan adalah untuk menentukan segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan terimaan iaitu penyelenggaraan Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67), Buku Tunai, Daftar Mel, Borang Hasil dan kemasukan pungutan ke bank. Secara umumnya, kawalan terimaan tersebut adalah baik. Bagaimanapun, terdapat ketidakpatuhan berkaitan penyelenggaraan Daftar Borang Hasil. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi kawalan terimaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BAGI KAWALAN TERIMAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN TERIMAAN			
	a	b	c	d
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)				
Stockholm, Sweden	√	√	√	√
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)				
Stockholm, Sweden	X	√	√	√
New Delhi, India	Tiada Terimaan			
PERATUS PEMATUHAN	50%	100%	100%	100%

Nota: √ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

- a. *Daftar Borang Hasil Yang dikawal (Kew. 67) diselenggarakan dengan teratur.*
- b. *Borang hasil (resit/lesen/permit) yang dikeluarkan untuk diguna disimpan dengan selamat dan diselenggarakan dengan teratur.*
- c. *Buku Tunai diselenggarakan dengan lengkap, disemak dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh ditetapkan.*
- d. *Semua kutipan dibankkan dengan segera dan tepat serta keselamatan wang dijaga.*

9.4.2.2 Semakan Audit di Pejabat Perwakilan LPPM Sweden mendapati Daftar Stok Buku Resit diselenggarakan bagi merekodkan stok resit. Bagaimanapun, daftar tersebut tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini iaitu buku resit tidak disemak dan diperakui ketepatan nombor siri. Selain itu, pihak Audit mendapati tiada hasil diterima melalui mel di Pejabat Perwakilan MIDA dan Pejabat Perwakilan LPPM Sweden.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perwakilan perlu memastikan kakitangan terlibat memahami sepenuhnya peraturan berkaitan kawalan terimaan khususnya aspek penyelenggaraan Daftar Borang Hasil yang dikawal.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, Pejabat Perwakilan LPPM Sweden telah merekod stok resit dan menyemak serta memperakui ketepatan nombor siri pada Buku Resit.

9.4.3 Kawalan Perbelanjaan

9.4.3.1 Secara umumnya, prestasi kawalan perbelanjaan bagi 3 Pejabat Perwakilan yang dilawati adalah memuaskan. Ketidakpatuhan adalah berkaitan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil yang tidak lengkap dan kemas kini serta pembayaran tidak mengikut peraturan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi kawalan perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.3
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BAGI
KAWALAN PERBELANJAAN**

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PERBELANJAAN				
	a	b	c	d	e
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)					
Stockholm, Sweden	√	TB	√	√	√
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)					
Stockholm, Sweden	X	TB	X	√	√
New Delhi, India	√	√	√	X	√
PERATUSAN PEMATUHAN	66.7%	100%	66.7%	66.7%	100%

Nota: √ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan

- a. *Buku Vot diselenggarakan dengan lengkap, teratur dan kemas kini.*
- b. *Maklumat mengenai bayaran dan terimaan bagi setiap kontrak dicatatkan dalam Daftar Kontrak.*
- c. *Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disemak sewajarnya.*
- d. *Bayaran dibuat dengan betul dan tepat selaras dengan undang-undang dan peraturan serta direkodkan dengan sempurna.*
- e. *Laporan Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh ditetapkan.*

9.4.3.2 Semakan Audit mendapati Pejabat Perwakilan LPPM Sweden telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan bagi kod objek 28000 iaitu Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli; serta kod objek 29000 iaitu Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti. Selain itu, terdapat bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari yang ditetapkan iaitu kelewatan antara 14 hingga 27 hari. Semakan di Pejabat Perwakilan LPPM India pula mendapati ia telah mengeluarkan 14 cek berjumlah RS640,833 (RM38,450) tanpa baucar bayaran.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perwakilan perlu memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan dan pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bil diterima. Selain itu, Pejabat Perwakilan juga perlu memastikan pembayaran dibuat dengan teratur mengikut peraturan supaya tidak wujud sebarang pembayaran yang tidak teratur.

Berdasarkan maklum balas yang diterima Pejabat Perwakilan LPPM Sweden telah mengemukakan permohonan viremen ke Ibu Pejabat untuk menampung lebihan perbelanjaan bagi kod objek Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Selain itu, terdapat kesilapan merekod bagi kod objek Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti dan pembetulan telah dibuat dan dikemas kini. Pejabat Perwakilan LPPM Sweden juga memaklumkan akan berusaha mengatasi masalah kelewatan pembayaran bil. Selain itu, Pejabat Perwakilan LPPM India memaklumkan masalah gangguan elektrik di New Delhi sering berlaku menyebabkan pembayaran segera dan penting perlu dilaksanakan walaupun baucar bayaran tidak dapat dikeluarkan melalui sistem. Penambahbaikan terhadap e-imprest bagi menangani masalah ini masih dalam peringkat kajian.

9.4.4 Pengurusan Deposit Dan Pendahuluan Diri/Pelbagai

9.4.4.1 Pengurusan deposit diwujudkan untuk mengakaunkan wang deposit yang diterima oleh Kerajaan atau wang deposit dipegang oleh pihak ketiga untuk sesuatu tujuan. Wang ini akan dikembalikan apabila ia tidak diperlukan lagi. Pengurusan pendahuluan diri/pelbagai adalah untuk memastikan pendahuluan

diberi mengikut had yang dibenarkan dan diselesaikan mengikut tempoh ditetapkan. Secara umumnya, prestasi pengurusan deposit/pendahuluan diri/pelbagai adalah memuaskan. Ketidapatuhan adalah berkaitan rekod subsidiari yang tidak dikemas kini dan masalah bayaran balik deposit. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan bagi pengurusan deposit dan pendahuluan diri/pelbagai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BAGI PENGURUSAN DEPOSIT
DAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN DEPOSIT DAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI		
	a	b	c
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)			
Stockholm, Sweden	√	X	√
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)			
Stockholm, Sweden	√	√	X
New Delhi, India	Tiada deposit atau pendahuluan		
PERATUSAN PEMATUHAN	100%	50%	50%

Nota: √ - Mematuhi X- Tidak Mematuhi

- a. Rekod subsidiari diselenggarakan bagi deposit/pendahuluan diri/pelbagai.
- b. Rekod subsidiari/deposit/pendahuluan diri/pelbagai diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Bayaran balik deposit/pendahuluan diri/pelbagai dibuat sewajarnya.

9.4.4.2 Semakan Audit mendapati Pejabat Perwakilan MIDA Sweden telah menyelenggarakan daftar deposit tetapi tidak kemas kini kerana bayaran deposit sewa rumah Pengarah tidak direkodkan. Seterusnya, Pejabat Perwakilan LPPM Sweden masih belum dapat menyelesaikan isu bayaran balik deposit sewa rumah dengan pihak ketiga.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perwakilan perlu memastikan rekod deposit/pendahuluan diri/pelbagai sentiasa diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta bayaran balik dilaksanakan dengan sewajarnya.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, Pejabat Perwakilan MIDA Sweden telah mengemas kini rekod daftar deposit dan Pejabat Perwakilan LPPM Sweden, telah menyelesaikan isu berkaitan deposit sewa rumah.

9.4.5 Pengurusan Aset Dan Stor

9.4.5.1 Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk memastikan aset yang diperolehi untuk kegunaan pejabat direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna. Secara keseluruhannya pematuhan terhadap pengurusan aset oleh Pejabat Perwakilan adalah kurang memuaskan. Antara ketidakpatuhan ialah aset tidak diperiksa dan stok tidak diverifikasi mengikut ketetapan, aset tidak

didaftarkan dalam format yang betul dan aset tidak dilabel sewajarnya. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan bagi pengurusan aset adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BAGI PENGURUSAN ASET

PEJABAT PERWAKILAN	PENGURUSAN ASET							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)								
Stockholm, Sweden	√	√	√	X	√	X	√	√
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)								
Stockholm, Sweden	√	X	√	√	√	X	√	√
New Delhi, India	√	√	X	√	√	X	X	TB
PERATUS PEMATUHAN	100%	66.7%	66.7%	66.7%	100%	0%	66.7%	100%

Nota: √ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan/Tiada Pelupusan

- a. Pegawai Aset dilantik dengan menentukan tugas dan tanggungjawab beliau sewajarnya.
- b. Pegawai Penerima Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan.
- c. Aset didaftarkan sewajarnya dalam format yang betul.
- d. Aset dilabel sewajarnya.
- e. Aset disimpan dan diguna dengan teratur.
- f. Aset diperiksa dan stok diverifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- g. Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan teratur.
- h. Pelupusan aset dilaksanakan dengan sempurna.

9.4.5.2 Semakan Audit mendapati Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset dan Pegawai Pemeriksa Aset/Verifikasi Stok di Pejabat Perwakilan LPPM Sweden adalah individu yang sama. Selain itu, Pejabat Perwakilan LPPM Sweden juga tidak menyediakan Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori serta pengiraan stok tidak dijalankan. Semakan Audit mendapati Pejabat Perwakilan LPPM India hanya menyediakan Senarai Harta Modal dan Inventori tetapi daftar tidak diwujudkan. Selain itu, Pegawai Pemeriksa Aset tidak dilantik dan pemeriksaan aset bagi tahun 2011 tidak dijalankan. Semakan juga mendapati penyelenggaraan Buku Log kenderaan tidak teratur.

9.4.5.3 Semakan Audit di Pejabat Perwakilan MIDA Sweden mendapati beberapa aset masih belum dilabel seperti peralatan *web camera*, *digital camera*, *GPS* dan *side cabinet*. Selain itu, tiada Laporan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan walaupun pemeriksaan telah dilaksanakan. Semakan Audit juga mendapati tiada bukti pengiraan stok dari semasa ke semasa dijalankan sebagaimana ditetapkan dalam peraturan.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perwakilan perlu mematuhi aspek penting berhubung pengurusan aset seperti mendaftar dan melabel aset serta menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dibuat dengan lengkap dan kemas kini.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, Pejabat Perwakilan LPPM Sweden telah melantik pegawai yang berbeza sebagai Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset dan Pegawai Pemeriksa Aset/Verifikasi Stok. Selain itu, Pejabat Perwakilan LPPM India dan Pejabat Perwakilan MIDA Sweden memaklumkan tindakan sewajarnya telah diambil terhadap semua teguran Audit.

9.4.6 Pengurusan Panjar

Pejabat Perwakilan di luar negeri perlu menyenggara panjar untuk merekodkan semua urusan niaga terimaan dan bayaran. Semakan Audit mendapati Pejabat Perwakilan menggunakan pakai sistem perakaunan sendiri iaitu sistem IMPREST di LPPM dan SAGA Versi 8.0 di MIDA. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan panjar meliputi perakaunan ke dalam Buku Tunai Panjar, penyediaan Penyata Perbelanjaan Panjar Bulanan, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dan kawalan terhadap Buku Cek mendapati Pejabat Perwakilan MIDA Sweden dan Pejabat Perwakilan LPPM India telah menguruskan panjar mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit di Pejabat Perwakilan LPPM Sweden mendapati Buku Tunai tidak dikemas kini dan Penyata Penyesuaian Panjar tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, Buku Tunai Panjar perlu sentiasa dikemas kini untuk memastikan pengurusan panjar adalah teratur dan Penyata Penyesuaian Panjar dapat disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.

9.5 SYOR AUDIT

Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai penemuan Audit terhadap pejabat perwakilan di luar negeri supaya tindakan pemantauan diambil terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Selain itu, bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan di pejabat perwakilan tersebut adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

9.5.1 Menjalankan penyeliaan yang lebih kerap dan rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai di bawah seliaan yang terlibat dalam urusan kewangan untuk memastikan peraturan kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

9.5.2 Pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan supaya kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara tidak berulang pada rekod/dokumen lain

memandangkan pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan sampel dan skop tertentu.

9.5.3 Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dengan memberi latihan yang sewajarnya serta mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai dalam menjalankan urusan kewangan.

9.5.4 Menggalakkan pewujudan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan.

9.5.5 Mengambil perhatian dan tindakan pembetulan yang sewajarnya terhadap isu yang dibangkitkan bagi memastikan setiap isu tersebut diambil tindakan pembetulan dengan segera serta memberi maklum balas yang lengkap dan mencukupi.

PENUTUP



PENUTUP

1. Pada keseluruhannya, sebanyak 133 penyata kewangan tahun 2012 Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain telah dikemukakan untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun 2013 seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Kesemua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 yang memerlukan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standards* (FRS) dan *Private Entity Reporting Standards* (PERS) berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.
2. Prestasi penyediaan penyata kewangan tahun 2012 oleh Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain adalah baik. Sebanyak 122 daripada 133 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2012 yang diaudit telah diberi Sijil Tanpa Teguran; 7 diberi Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis Of Matter*, satu Sijil Berteguran, satu Sijil Bertentangan dan 2 Sijil Penafian.
3. Badan Berkanun Persekutuan yang diberi Sijil Tanpa Teguran dengan *Emphasis Of Matter* adalah kerana baki pendahuluan tidak dapat disahkan, kelemahan dalam pengurusan perolehan, Badan Berkanun Persekutuan mempunyai liabiliti yang tinggi berbanding aset, keuntungan terkumpul telah berkurang nyata dan hapus kira hutang tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Sijil Berteguran dikeluarkan kerana Penyata Kewangan Kumpulan Badan Berkanun Persekutuan telah disediakan berdasarkan penyata kewangan syarikat subsidiari yang belum diaudit. Sijil Bertentangan telah dikeluarkan kerana baucar bayaran untuk projek pembinaan tidak mempunyai dokumen sokongan dan nilai bagi Hartanah, Loji Dan Peralatan serta Tunai Dan Kesetaraan Tunai tidak dinyatakan dengan benar dan saksama. Selain itu, Sijil Penafian yang diberi adalah disebabkan baki geran Kerajaan Persekutuan dan Kerja Dalam Pelaksanaan tidak dapat disahkan kerana tiada senarai terperinci, baki Wang Di Bank tidak dapat disahkan kerana Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Ogos hingga Disember 2012 tidak disediakan dan nilai bersih Hartanah, Loji Dan Peralatan tidak dapat disahkan kerana Daftar Aset tidak disediakan dengan teratur dan kemas kini.
4. Sehubungan itu, semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan perlu mengambil tindakan dan memastikan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

5. Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan di 90 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di negeri dan daerah adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam mematuhi tatacara kewangan di mana tindakan pembetulan perlu diberi perhatian oleh Badan Berkanun Persekutuan berkenaan.

6. Selain itu, pengurusan kewangan di 3 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri adalah pada tahap memuaskan kecuali beberapa kelemahan dalam kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan dan aset. Pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negeri ini telah pun mengambil tindakan pembetulan terhadap teguran Audit.

7. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2012 adalah baik berbanding dengan pengauditan pengurusan kewangan pada tahun 2009/2011 bagi agensi yang sama. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Ketua Pegawai Eksekutif bukan sahaja mengambil tindakan *corrective* untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan bahkan mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah sekali dalam tempoh pusingan 3 tahun kecuali MAIWP setiap tahun. Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan. Penglibatan secara hands-on dan penyeliaan rapi di peringkat Pegawai Penyelia hingga ke peringkat Ketua Pegawai Eksekutif perlu dipertingkatkan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

1 Oktober 2013



LAMPIRAN A

SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN
DAN AGENSI LAIN

SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

A JABATAN PERDANA MENTERI

1. LEMBAGA TABUNG HAJI (**LTH**)
2. MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (**MAIWP**)
3. LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (**FELDA**)
4. SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (**SUHAKAM**)
5. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (**PERDA**)
6. PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (**IRDA**)
7. PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (**NCIA**)
8. MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (**ECER**)
9. SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (**SPAD**)
10. AGENSI INOVASI MALAYSIA (**AIM**)
11. KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA
DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (**BIASISWA RAJA-RAJA**)
12. SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (**SIAP**)-2013
13. PERBADANAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA (**PRIMA**)-2013

B KEMENTERIAN PERTAHANAN

14. LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
15. PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)

16. PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)

17. PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)

C KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

18. PERBADANAN ASET KERETAPI (**PAK**)

19. LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)

20. SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (**SPPP**)

21. LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (**LP KUANTAN**)

22. LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (**LP JOHOR**)

23. LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (**LP BINTULU**)

24. LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (**LP KEMAMAN**)

25. LEMBAGA PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (**LP TANJUNG PELEPAS**)

26. SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA (**SPPP-TELUK EWA**)

27. LEMBAGA PELABUHAN MELAKA (**LPM**)

28. INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (**MIROS**)

D KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

29. LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERUSAHAAN TIMAH (**LEMBAGA TIMAH**)

30. LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA (**JURUKUR**)

31. LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (**MPRDB**)

E KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

32. LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (**LPPKN**)

33. LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG (**WAKAF HINDU**)

F KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- 34. PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (**MPC**)
- 35. LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (**MIDA**)
- 36. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (**MATRADE**)
- 37. PERBADANAN PERUSAHAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (**SME CORPORATION**)

G KEMENTERIAN KEWANGAN

- 38. BANK NEGARA MALAYSIA (**BNM**)
- 39. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (**KWSP**)
- 40. BANK SIMPANAN NASIONAL (**BSN**)
- 41. LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (**LTM**)
- 42. LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (**LADA**)
- 43. INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (**MIA**)
- 44. LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (**LABUAN FSA**)
- 45. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (**LHDNM**)
- 46. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (**PIDM**)
- 47. KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (**KWAP**)
- 48. YAYASAN TUN RAZAK (**YTR**)

H KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

- 49. PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (**BERNAMA**)
- 50. PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (**FINAS**)

51. PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (**KRAF TANGAN**)

52. AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (**ASWARA**)

I KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

53. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (**PERKESO**)

54. PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (**PTPK**)

J KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

55. LEMBAGA GETAH MALAYSIA (**LGM**)

56. LGM PROPERTIES CORPORATION (**LGMP**)

57. RRIM CONSULT CORPORATION (**RRIM CORP**)

58. LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (**MPOB**)

59. LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (**LKTN**)

60. LEMBAGA KOKO MALAYSIA (**KOKO**)

61. LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (**MTIB**)

62. LEMBAGA LADA MALAYSIA (**MPB**)

K KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

63. LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (**LKIM**)

64. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (**LPP**)

65. LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (**FAMA**)

66. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (**MADA**)

67. YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN
PERTUBUHAN PELADANG MUDA (**YP MADA**)

68. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (**KADA**)

69. INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (**MARDI**)

70. LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (**LPNM**)

L KEMENTERIAN KERJA RAYA

71. LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (**LLM**)

72. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (**CIDB**)

M KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

73. MAJLIS SUKAN NEGARA (**MSN**)

74. PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (**PSM**)

75. PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

76. INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (**IPPBM**)

77. INSTITUT SUKAN NEGARA (**ISN**)

N KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

78. LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (**LPPM**)

79. LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (**LPSVN**)

O KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

80. PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (**PTPTN**)

81. AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (**MQA**)

82. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (**UiTM**)

83. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (**UKM**)

84. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (**UTM**)

85. UNIVERSITI MALAYA (**UM**)

86. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (**USM**)
87. UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (**UPM**)
88. PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (**PPUM**)
89. UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (**UUM**)
90. UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (**UNIMAS**)
91. UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (**UMS**)
92. UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (**UPSI**)
93. UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (**USIM**)
94. UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (**UTHM**)
95. UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (**UTeM**)
96. UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (**UMT**)
97. UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (**UMP**)
98. UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (**UniMAP**)
99. UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (**UNiSZA**)
100. UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (**UMK**)
101. UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (**UPNM**)
102. YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (**YTAR**)
103. DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (**DBP**)
104. MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (**MPM**)
105. KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (**KWSG**)

P KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- 106. PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (**RISDA**)
- 107. LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (**KETENGAH**)
- 108. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (**KEDA**)
- 109. LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (**KEJORA**)
- 110. LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (**KESEDAR**)
- 111. MAJLIS AMANAH RAKYAT (**MARA**)
- 112. YAYASAN PELAJARAN MARA (**YPM**)

Q KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

- 113. SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (**SSM**)
- 114. PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (**PHIM**)
- 115. MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (**MKM**)
- 116. SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (**SKM**)
- 117. SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (**MYCC**)

R KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

- 118. PERBADANAN PUTRAJAYA (**PPj**)
- 119. PERBADANAN LABUAN
- 120. PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU - 2013

S KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

- 121. AKADEMI SAINS MALAYSIA (**ASM**)

T KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

122. PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (**PPSPPA**)

U KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

123. SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (**SPAN**)
124. SURUHANJAYA TENAGA (**ST**)
125. PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI MALAYSIA (**SEDA**)

V KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

126. LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (**LPKM**)
127. PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN - 2013

KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN

1. YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)
DITUBUHKAN MELALUI SURAT IKATAN AMANAH YPEIM 20 JULAI 1984
2. KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
3. KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)
4. KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
5. MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (**MSWP**)
- DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA MAJLIS SUKAN NEGARA
6. KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (**KWSMP**)
7. KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
8. AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
9. AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)

10. TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH BORNEO (TPLM)

AGENSI LAIN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

1. BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (**BANK RAKYAT**)
- DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KOPERASI



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my